



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Tempoh Perbahasan [Ruangan 4813]

Cuti Y.B. Pengiran Tahir bin Pengiran Patera—Kebenaran [Ruangan 4814]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 4814]

RANG-UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 [Ruangan 4834]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1977 [Ruangan 4834]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

- Yang Berhormat** Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat,
TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK
UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI
ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING
(Rajang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P.
(Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABDUL SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHEUNG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).

Yang Berhormat TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).

- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

- Yang Berhormat DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 8hb November, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA

TEMPOH PERBAHASAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang hormat, saya hendak memaklumkan pada hari Jumaat lepas 5hb November, 1976 Dewan telah terpaksa ditangguhkan pada jam 5.50 petang padahal ada lagi 40 minit masa Dewan dalam mana boleh digunakan untuk perbahasan. Itu disebabkan tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersedia berucap. Sebenarnya, apabila tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, Yang di-Pertua bolehlah menjemput Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab. Oleh sebab Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua yang mempengerusikan Dewan pada masa itu memandang bahawa harus pihak Menteri-menteri belum bersedia lagi menjawab, pada masa itu hanya ada seorang Menteri dan dua orang Timbalan Menteri dalam Dewan, maka dengan timbang-rasanya Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua telah menjemput seorang Menteri mencadangkan supaya Dewan ditangguhkan.

Jika akan timbul lagi satu keadaan seperti yang timbul pada hari Jumaat lepas akan datang, Yang di-Pertua tidak ragu-ragu lagi akan menjemput Yang Berhormat Menteri menjawab. Oleh itu, saya harap pihak Kerajaan akan membuat persediaan supaya ada Menteri menjawab apabila diseru. Setelah pihak Menteri menjawab maka peluang untuk Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap adalah tertutup.

Barang diingat sungguhpun Perintah 66 (3) menguntukkan 11 hari bagi perbahasan di peringkat bacaan kali yang kedua, jumlah 11 hari itu ialah maksima sahaja. Sekiranya

urusan boleh ditamatkan terlebih dahulu daripada sampainya masa maka kita akan tamatkan terlebih dahulu dengan tidak menunggu semua 11 hari itu. Diharap Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mengambil peringatan dan perhatian. Terima kasih.

CUTI Y.B. PENGIRAN TAHIR BIN
PENGIRAN PATERA—KEBENARAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah meluluskan cuti kepada Yang Berhormat Pengiran Tahir bin Pengiran Patera (Kimanis) selama setahun mulai daripada 8hb November, 1976 hingga 8hb November, 1977 oleh sebab Yang Berhormat itu adalah di dalam keuzuran dan dianggarkan rawatan keuzuran itu akan mengambil masa yang panjang.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAANAJEN KOMINIS DALAM
PERKHIDMATAN AWAM

1. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau bercadang akan menjalankan cadangan-cadangan ahli partinya untuk mengadakan pembersihan (witch-hunt) untuk menangkap agen-agen kominis dalam perkhidmatan awam. Adakah beliau sedar bahawa tindakan mendiamkan dirinya dalam perkara ini akan merosotkan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara ini Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menjawab dalam Dewan ini juga pada 25hb Oktober, 1976. Dengan itu, rasa saya tidaklah ada apa-apa yang hendak ditambah lagi.

PERUNTUKAN RANCANGAN KECIL KAWASAN PARLIMEN

2. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24*) (2)) minta Perdana Menteri mengesahkan samada peruntukan untuk rancangan-rancangan kecil di kawasan Ahli-ahli Parlimen sebanyak \$50,000 hanya diberi kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional sahaja sedangkan wang ini adalah wang rakyat dan bukan wang Barisan Nasional dan juga menyatakan samada beliau sedar beberapa orang Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional menyalahgunakan peruntukan tersebut.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, peruntukan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah di bawah kawalan Pegawai Daerah yang berkenaan dan adalah digunakan khusus bagi projek-projek kecil yang telah diluluskan oleh Ahli Parlimen bagi lingkungan kawasan beliau. Dengan demikian tidak ada peruntukan berupa wang tunai diberikan kepada Ahli Parlimen yang berkenaan dan soal menyalahgunakan peruntukan yang sedemikian tidaklah timbul samasekali oleh kerana ianya dibelanjakan semata-mata untuk faedah penduduk-penduduk kawasan itu sendiri. Hanya Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional sahaja yang telah diberikan kuasa untuk meluluskan projek-projek kecil, untuk mana peruntukan-peruntukan ini telah dikeluarkan Pegawai Daerah-Pegawai Daerah yang berkenaan.

POTONGAN GAJI LIMA PERATUS

3. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24*) (2)) minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebabnya mengapa potongan lima peratus yang dikenakan ke atas gaji Menteri-menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen telah dikembalikan kepada mereka sedangkan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang mendapat gaji \$1,000 atau lebih sebulan telah mendapat sebahagian dari bonus-bonusnya sahaja.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn): Tuan Yang di-Pertua, perbandingan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah mengelirukan, iaitu satu berkenaan dengan perkara GAJI dan yang satu lagi ialah berkenaan dengan perkara BONUS.

Gaji ialah hak kepunyaan seseorang dan bonus bukanlah sedemikian. Pada waktu negara menghadapi kemelesetan ekonomi

dalam tahun 1975, Kerajaan telah berjimat-cermat dan mengurangkan perbelanjaan. Sebagai tauladan Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen dengan Sukarelanya telah bersetuju memotong gaji mereka sebanyak lima peratus pada sebulan. Ini telah dijalankan sehingga hujung bulan Julai 1976. Oleh kerana keadaan kewangan negara telah beransur-ansur baik, maka adalah difikirkan tidak perlu lagi potongan itu diteruskan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, semasa gaji Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen telah dipotong, gaji pegawai-pegawai tidak terjejas.

KEMENTERIAN/JABATAN BERSIKAP "BUSINESS-MINDED"

4. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan akan mengarahkan Kementerian/Jabatan yang bersangkutan dengan orang ramai terutama Jabatan Talikom, Jabatan Kastam, Lembaga Letrik Negara, Jabatan Pelancungan, Pejabat Tanah, Pejabat Kerja Air dan lain-lain supaya bersikap "business-minded" dan pantas dalam menguruskan hal yang berkaitan dengan hasil negara daripada hanya menunggu urusan itu datang kepadanya. Jika tidak, mengapa.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, semua pegawai-pegawai Kerajaan adalah dikehendaki melayani orang ramai dengan sopan, cekap dan pantas. Sememangnya telah menjadi tujuan Kerajaan bahawa mereka semestinya mempunyai sikap sebegini bukan sahaja dalam menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan hasil negara tetapi dalam apa-apa tugas lain yang berhubungan dengan orang ramai. Bagi maksud ini, kursus-kursus latihan telah diadakan dari semasa ke semasa untuk menambahkan kecekapan dan penghasilan kerja mereka.

Di samping itu juga, Kerajaan telah menubuhkan sebuah Biro Pengaduan Awam yang sedia memberikan khidmat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga kepada orang ramai dengan menerima aduan-aduan untuk menarik perhatian Kerajaan mengenai kelemahan mana-mana perkhidmatan awam. Biro ini akan membuat siasatan ke atas

aduan-aduan tersebut dan kemudiannya mengesyorkan langkah-langkah bagi memperbetulkannya, kepada jabatan-jabatan yang berkenaan.

Oleh kerana telahpun ada diwujudkan amalan-amalan dan peraturan-peraturan bertalian dengan tatatertib pegawai-pegawai Kerajaan yang disemak dari semasa ke semasa, perkara mengeluarkan arahan khas baginya tidaklah timbul.

MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN

5. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah belanja bagi mengadakan tiap-tiap kali Pertandingan Membaca Quran samada di Peringkat Kebangsaan atau Antarabangsa;
- (b) apa-apakah kesan yang mendalam yang telah didapati hasil daripada pertandingan-pertandingan itu; dan
- (c) apakah sebab-sebab yang besar perkataan pertandingan digantikan dengan perkataan Arab Musabaqah sedangkan mengikut setengah ahli bahasa bahawa perkataan Musabaqah itu berasal dari makna "Perlumbaan Kuda" dan tidakkah ada Bahasa Kebangsaan yang lain bagi menggantikan perkataan pertandingan seperti perkataan perujian atau lainnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Senator Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah belanja bagi menjalankan tiap-tiap kali Musabaqah Membaca Al-Quran di Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa adalah seperti berikut:

Tahun 1973 ...	Peruntukan diluluskan	\$232,770
	Perbelanjaan sebenar	\$214,252
Tahun 1974 ...	Peruntukan diluluskan	\$293,500
	Perbelanjaan sebenar	\$283,648
Tahun 1975 ...	Peruntukan diluluskan	\$280,000
	Perbelanjaan sebenar	\$238,281
Tahun 1976 ...	Peruntukan diluluskan	\$300,000
	Perbelanjaan sebenar masih belum diperolehi disebabkan masih ada tuntutan-tuntutan yang belum diterima.	

Untuk makluman Yang Berhormat bagi tahun 1976 ini peruntukan untuk

Musabaqah ini dijangka berlebihan sedikit daripada tahun-tahun sebelumnya oleh kerana:

- (i) Tempoh pertandingan telah dilanjutkan selama semalam lagi.
 - (ii) Hadiah-hadiah di Peringkat Antarabangsa telah ditambah.
 - (iii) Penyertaan negara-negara luar semakin bertambah. Walau bagaimanapun, perbelanjaan sebenar dijangka kurang daripada peruntukan yang telah diluluskan.
- (b) Kesan yang mendalam yang diperolehi sebagai hasil daripada Musabaqah Membaca Al-Quran tidak ternilai harganya. Negara kita adalah diiktiraf sebagai Negara yang sebenar-benarnya berusaha meninggikan syiar Islam. Dalam tempoh Musabaqah Membaca Al-Quran bacaan ayat-ayat suci Al-Quran bukan sahaja terdengar ke seluruh Negara bahkan juga ke negara-negara sahabat yang penduduknya ada yang beragama Islam. Untuk makluman Yang Berhormat negara-negara seperti Saudi Arabia, Kuwait, Bangladesh, Pakistan, Indonesia telah memohon untuk mendapatkan "live telecast" berkenaan dengan Musabaqah Membaca Al-Quran tersebut di Peringkat Antarabangsa. Pita-pita rakaman bacaan Ayat-ayat Suci yang diperdengarkan dalam Musabaqah tiap-tiap tahun telah dihantar ke beberapa buah negara seperti India, Brunei, Singapura, Thailand, Sri Lanka, Pakistan, Filipina dan boleh dikatakan semua negara yang mengambil bahagian inginkan pita rakaman tersebut. Filem-filem berkaitan dengan Musabaqah Membaca Al-Quran telah juga dihantar ke Kedutaan kita di negara-negara sahabat dan telah mendapat sambutan yang baik. Kebanyakan daripada negara-negara tersebut ingin memiliki filem-filem Musabaqah itu. Dalam masa dialog dengan wakil-wakil negara yang mengambil bahagian dan juga menjadi pemerhati, semuanya telah memberi penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Negara kita berkaitan dengan pengendalian dan juga mengadakan Musabaqah Membaca Al-Quran itu. Pada tahun lalu kita telah menyaksikan bahawa

Negara-negara Arab juga telah mengambil bahagian. Pada hakikatnya tidaklah dapat dinafikan bahawa hasil daripada Musabaqah Membaca Al-Quran yang diadakan pada tiap-tiap tahun di Negara kita ini telah menambahkan pesatnya perhubungan antara Negara kita dengan Negara-negara Arab khususnya dalam bidang ekonomi.

(c) Ada beberapa sebab mengapa perkataan pertandingan digantikan dengan perkataan Musabaqah berkaitan dengan Musabaqah Membaca Al-Quran mulai tahun ini. Antara sebab-sebabnya ialah:

- (i) Untuk menyelaraskan istilah dengan yang dipakai di Indonesia. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum Negara kita ada perjanjian menyamakan istilah dengan Negara Indonesia. Untuk makluman Yang Berhormat di Indonesia pertandingan membaca Al-Quran dipanggil Musabaqah Tilawatul Quran, tetapi kita hanya mengambil perkataan Musabaqah sahaja dari bahasa Arab dan Tilawah itu kita terjemahkan menjadi bacaan untuk menyenangkan orang ramai menyebutnya. Dengan yang demikian menambahkan lagi perbendaharaan kata Bahasa Malaysia.
- (ii) Perkataan pertandingan telah dipakai oleh semua lapangan seperti pertandingan dalam lapangan sukan, ratu cantik, bintang RTM, dan lain-lain lagi. Musabaqah adalah difikirkan, lebih sesuai supaya tidak dicampurkan dengan lain-lain pertandingan.
- (iii) Erti Musabaqah yang sebenar ialah perlumbaan dan sesuai dengan Firman Allah dalam Al-Quran: **FASTIBIQUL-KHAI-RAT** yang bererti berlumbalumbalah kamu untuk mencapai perkara-perkara yang baik. Jadi tiadalah menjadi apa-apa kesalahan dari segi "linguistik" jika kita menggunakan istilah Musabaqah itu.

(iv) Istilah Musabaqah itu bolehlah diibaratkan penggunaannya sama seperti penggunaan perkataan "kitab", yang bererti buku. Apabila disebutkan kitab, kita memberi pengertian bahawa kitab itu ialah yang berkaitan dengan agama. Malah, bagi Al-Quran kita menyebut Kitab Suci Al-Quran. Begitulah juga keadaannya dengan Musabaqah. Adalah diharap apabila disebut Musabaqah kita mengertikannya sebagai pertandingan yang berkaitan dengan Bacaan Al-Quran, tetapi tidak ada kaitannya dengan pertandingan yang lain. Kebetulan sebelum tahun ini juga Negara-negara Arab telah mula mengambil bahagian, maka istilah Musabaqah ini amatlah bersesuaian. Walau bagaimanapun, patutlah kita rakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada negara-negara yang menggunakan Bahasa Arab yang telah mengambil bahagian di dalam Musabaqah ini dan yang telah menghantar para-hakimnya, para pesertanya dan juga patutlah kita rakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Musabaqah Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa yang telah bertungkus-lumus bagi menjayakan Musabaqah ini di bawah Pengerusinya Yang Berhormat Tan Sri Syed Nasir Ismail dan Penolongnya Datuk Haji Lokman Musa.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah atau tidak Ahli Jawatankuasa Pertandingan Musabaqah ini daripada kaum wanita, sedangkan peraduan pertandingan musabaqah ini memerlukan kaum wanita bersama di dalam pertandingan itu.

Senator Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun sudah ada seorang wakil wanita dalam jawatankuasa itu daripada sebuah negeri. Bagi tahun ini mungkin agaknya tak ada negeri itu menghantar wakilnya wanita maka

tidak adalah wanita. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, Musabaqah ini, Jawatankuasa bekerja terlalu terok, siang malam dan oleh kerana itu Ahli Jawatankuasa ini bertimbang rasa dengan wanita supaya tidak menghabiskan waktunya dalam benda yang teruk semacam ini.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana yang saya katakan tadi bahawa setiap pertandingan musabaqah ini memerlukan kaum wanita bersama dalam pertandingan itu tidakkah perlu kaum wanita juga diajak bersama menjadi jawatankuasa untuk bersama membincangkan dan memikirkan masalah-masalah pertandingan itu. Adakah pihak Kementerian bercadang pada masa akan datang untuk melantik satu dua wanita duduk bersama dalam jawatankuasa pertandingan musabaqah.

Senator Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memang dalam hasrat kita hendak memanggil.

TUNTUTAN CUEPACS

6. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan apakah perhatian Kerajaan terhadap tuntutan Cuepacs di samping pandangan rakyat umum tentang kejadian berikutnya. Apakah tindakan Kerajaan agar semangat pembelaan terhadap keselamatan negara tetap utuh dan kekal di kalangan semua pihak berkaitan dengan hal ini.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, pandangan rakyat umum terhadap kejadian-kejadian berikutnya adalah ditaksirkan menyokong pendirian dan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan, yang berdasarkan kepada kehendak-kehendak kepentingan negara dalam usaha menyelesaikan tuntutan CUEPACS. Rakyat pada keseluruhannya didapati menyambut baik usaha Kerajaan untuk menimbang tuntutan CUEPACS dengan saksama berdasarkan kepada kemampuan Kerajaan untuk memenuhi tuntutan-tuntutan mereka dan juga keperluan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan mengurangkan jurang perbezaan di kalangan rakyat jelata.

Berhubung dengan semangat pembelaan terhadap keselamatan Negara di kalangan pihak-pihak yang terlibat dalam hal ini, saya rasa soal ini tidak harus timbul. Walaupun mungkin terdapat golongan pekerja-pekerja tertentu yang kurang puashati dengan pengurusan tuntutan mereka oleh Kerajaan, saya yakin perasaan tidak puashati ini tidak menjejaskan semangat mereka untuk berjuang menegakkan keselamatan negara. Oleh yang demikian Kerajaan tidak mengambil apa-apa tindakan khas dalam bidang ini, kecuali tindakan-tindakan am yang diambil oleh Kerajaan untuk mengukuhkan sokongan dan penglibatan rakyat dalam usaha menentang ancaman-ancaman keselamatan.

PERMOHONAN PENDAFTARAN PERSATUAN LIGA REFORMASI

7. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kementerianya telah menerima permohonan daripada pihak Liga Reformasi untuk pendaftaran di bawah Akta Pertubuhan, tarikh permohonan tersebut diterima dan mengapa terdapat ke-lambatan dalam meluluskan permohonan tersebut.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, permohonan untuk pendaftaran persatuan Liga Reformasi di bawah Akta Pertubuhan, 1966 telah diterima di Pejabat Pendaftaran Pulau Pinang pada 12hb Jan, 1976 dan telahpun diproses secara yang biasa dilakukan. Tidak ada apa-apa ke-lambatan yang telah berlaku di dalam memproseskan permohonan tersebut. Walau bagaimanapun pendaftaran persatuan ini tidak dapat diluluskan dan pihak persatuan telah diberitahu mengenainya.

KOMINIS DAN ANASIR ANTI-NASIONAL DI BANDAR

8. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan tindakan yang telah diambil terhadap pengganas-pengganas komunis dan anasir-anasir anti-nasional di kawasan-kawasan bandar.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini adalah sama seperti yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

semasa menjawab soalan yang hampir serupa pada 3hb November, 1976. Dengan itu, saya tidak hendak menambah.

JUALAN UBAT DAN FILEM-FILEM X-RAY

9. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh manakah penyelewengan telah dilakukan oleh pegawai-pegawai perubatan dalam penjualan ubat dan filem-filem x-ray sebagaimana yang telah beliau dedahkan baru-baru ini dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang terlibat.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kesihatan tidak mengatakan bahawa pegawai perubatanlah khasnya yang telah terlibat dalam penjualan ubat dan filem-filem x-ray. Apa yang beliau katakan ialah beliau telah mendapat maklumat yang umum dan tidak spesifik mengenai penjualan ubat-ubat dan filem-filem x-ray ini.

Dalam bulan Julai 1976 beliau ada mengatakan bahawa semasa penyiasatan yang dijalankan oleh pihak Polis dan Kementerian, ada ubat-ubat kepunyaan Kerajaan telah dijumpai di beberapa buah klinik persendirian dan farmasi di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Kes-kes ini sedang diasas selanjutnya oleh pihak Polis. Sehingga masa ini, seorang buruh telahpun didakwa di Mahkamah dan akan diambil tindakan tatatertib untuk dibuang kerja, seorang pegawai pelatih akan diberhentikan latihannya dan seorang pegawai lagi telah digantung kerja.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tidakkah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa di dalam sebuah akhbar tempatan bertarikh 24hb Ogos, 1976, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada mengatakan bahawa pihaknya baru-baru ini telah membuat satu penyiasatan dan jelas menunjukkan perkara-perkara yang di dalam soalan itu berlaku. Jika sedar, mengapa pula sekarang ini dikatakan penyiasatan itu bukan dibuat oleh Kementerian tetapi dibuat oleh pihak Polis.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa oleh kerana

Kementerian Kesihatan sedar bahawa perkara kecurian ubat-ubat x-ray ini berlaku daripada setok Kementerian maka Kementerian membuat penyiasatan dan meminta pertolongan daripada pihak Polis untuk membuat penyiasatan yang lanjut, dan oleh kerana penyiasatan itulah sekarang ini tiga kes telah kita dapat dan mereka yang bersalah telahpun dihukum.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tidakkah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa Yang Berhormat Menteri jua ada mengatakan bahawa sebilangan surgeon dari luar negeri yang berkhidmat di negara ini semasa balik ke negara mereka membawa balik alat-alat perubatan dari hospital-hospital mereka. Jika sedar, apakah kes-kes yang disebut oleh Timbalan Menteri itu termasuk kes-kes tangkapan terhadap surgeon-surgeon luar negeri itu.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri sedar kadangkala perkara itu berlaku tetapi masalah soalan yang asalnya ialah berkenaan dengan ubat dan filem x-ray, soalan berbangkit ini alat-alat yang bersangkutan-paut dengan perubatan.

LALULINTAS DI SELAT MELAKA

10. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Perhubungan menyatakan sejauh manakah usaha-usaha telah dibuat dan telah tercapai mengenai lalulintas di Selat Melaka dengan Negara-negara jiran terutamanya Negara ASEAN sehingga ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, perkara keselamatan lalulintas perkapalan di Selat Melaka melibatkan tiga buah negara ASEAN iaitu Malaysia, Indonesia, dan Singapura. Setakat ini beberapa mesyuarat dan perbincangan teknikal telahpun diadakan di antara wakil-wakil Kerajaan ketiga buah negara. Walau bagaimanapun, masih ada sedikit masaalah teknikal yang sedang dipertimbangkan bagi menentukan keselamatan pelayaran di Selat Melaka.

KESELAMATAN JALANRAYA

11. Datuk Albert Mah minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada jumlah yang begitu

banyak kereta-kereta rosak hancur semasa kemalangan-kemalangan motor itu disebabkan kereta-kereta yang dibuat dengan kurang mutunya dan sekarang dijual di dalam Malaysia. Apakah tindakan-tindakan yang lain beliau akan mengambil supaya keselamatan jalan-jalanraya dapat dijamin.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa banyak kereta-kereta rosak, hancur semasa kemalangan-kemalangan jalanraya adalah disebabkan kereta-kereta tersebut kurang mutu perbuatannya.

Berhubung dengan tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kementerian saya bagi menjamin keselamatan jalanraya, saya suka memaklumkan bahawa tindakan-tindakan yang sewajarnya sentiasa diambil dari semasa ke semasa. Kempen-kempen keselamatan jalanraya telah dilancarkan tiap-tiap tahun dan akan terus diperhebatkan dengan tujuan untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai tentang tanggungjawab-tanggungjawab mereka apabila menggunakan jalanraya. Kempen-kempen tahunan ini diperluaskan dari setahun ke setahun dengan menambah daya usaha pengajaran terhadap pengguna-pengguna jalanraya dengan mengeluarkan bahan-bahan kempen yang lebih dan juga membuat seranta melalui TV, radio, akhbar dan mass media yang lain.

Usaha-usaha ini dijalankan oleh Majlis Keselamatan Jalanraya Malaysia dan diperluaskan juga oleh kempen-kempen yang dianjurkan oleh Majlis Keselamatan Jalanraya Negeri di peringkat Negeri dan Daerah.

Kempen-kempen yang dilancarkan adalah besar ertinya oleh kerana faktor utama berlakunya kemalangan jalanraya adalah berpunca dari kesalahan-kesalahan pengguna-pengguna jalanraya sendiri. Langkah-langkah yang lain juga diambil untuk mengurangkan bahaya kemalangan jalanraya seperti penguatkuasaan Undang-undang Pemakaian Topi Keledar kepada semua penunggang-penunggang motosikal di seluruh negara. Kementerian saya juga sedang mengkaji kemungkinan mewajibkan pemakaian tali pinggang keledar untuk pemandu-pemandu kereta dan juga mengharamkan cermin-cermin kenderaan yang berwarna gelap. Di

samping itu, tindakan-tindakan juga diambil oleh Kementerian saya untuk memperbaiki jalanraya-jalanraya yang merbahaya di negara kita ini.

Kesemua langkah-langkah positif yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan itu untuk mengurangkan kadar kemalangan jalanraya sebenarnya tidak akan memberi kesan kalau sekiranya pengguna-pengguna jalanraya sendiri tidak mempunyai kesedaran dan bekerjasama menggunakan jalanraya ini, iaitu dengan cermat. Oleh yang demikian, di samping ikhtiar-ikhtiar yang dijalankan oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kemalangan jalanraya ini, kerjasama semua pihak termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat adalah diperlukan untuk memberikan kesedaran kepada semua pengguna-pengguna jalanraya akan hakikat bahawa kemalangan jalanraya akan hanya boleh diatasi sekiranya mereka sentiasa berwaspada.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Soalan tambahan. Oleh kerana pihak syarikat-syarikat insuran sendiri mempunyai kepentingan di dalam hal-hal keselamatan jalanraya, adakah pihak Kementerian melibatkan syarikat-syarikat insuran ini dari segi kewangan untuk menjalankan Kempen Keselamatan Jalanraya, kerana perkara pertama dengan melibatkan mereka ini perbelanjaan itu boleh dibantu oleh syarikat-syarikat insuran sendiri.

Perkara yang kedua, jikalau kurang kemalangan jalanraya ini mungkin lah Excess Clause yang digunakan oleh pihak-pihak insuran ini dapat dikurangkan sedikit, kerana sekarang ini Excess Clause yang dikenakan kepada sekecil-kecil motokar ialah \$250, sebesar-besar motokar sampai \$750 bagi motokarendirian. Tidakkah pihak Kementerian memikirkan mereka ini patut dilibatkan dan meringankan sedikit orang ramai di dalam perkara Excess Clause?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas syor melibatkan kompeni-kompeni insuran dalam Kempen Keselamatan Jalanraya dan Kementerian ini tentu akan menimbang dengan teliti cadangan tersebut.

PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI

12. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Awam menubuhkan sebuah Suruhanjaya untuk menyiasat pertunjukan dan pengurusan badan-badan kemajuan ekonomi negeri memandangkan kepada laporan-laporan yang memalukan tentang kerugian dan kegagalan badan-badan tersebut di dalam projek-projek yang dikendalikan oleh mereka dan juga untuk mencari langkah-langkah untuk mencegah pembaziran wang negara oleh badan-badan tersebut.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat Kerajaan penubuhan sebuah Suruhanjaya untuk menyiasat perjalanan dan pengurusan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri tidaklah perlu memandangkan Kementerian saya telah diberi tanggungjawab untuk mengawasi ke semua Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan meneliti prestasi serta perjalanan mereka dari semasa ke semasa. Kira-kira Laporan Tahunan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri serta anak-anak syarikat dan projek-projek mereka sentiasa diteliti dan Kementerian membuat penilaian untuk memastikan supaya perjalanan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan juga projek-projek mereka adalah baik dan wang yang mereka belanja mencapai matlamat yang sebenarnya. Ajensi-ajensi Kerajaan seperti Perbendaharaan, Jabatan Odit, Bahagian Perancang Ekonomi juga membuat penilaian ke atas prestasi Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan projek-projek mereka dari masa ke semasa. Kerjasama dari Jabatan-jabatan ini menolong Kementerian saya mengawasi Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dengan lebih berkesan lagi.

Mengenai laporan-laporan tentang apa yang dikatakan sebagai kerugian dan kegagalan projek-projek Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, saya suka memaklumkan bahawa tidaklah semua projek mengalami kerugian. Pada perhitungan saya kebanyakan laporan-laporan mengenai Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri menumpukan perhatian hanya kepada aspek untung rugi sahaja, sedangkan kita juga mesti melihat faedah-faedah secara

langsung atau tidak langsung yang dinikmati oleh rakyat pada keseluruhannya. Misalnya, pembukaan kawasan-kawasan perindustrian bukanlah projek yang menguntungkan semua Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, tetapi sebaliknya ini menambahkan beban kewangan mereka. Walau bagaimanapun, projek-projek demikian mesti dijalankan memandangkan kepada faedah-faedah yang akan dinikmati oleh rakyat.

Pembangunan kawasan-kawasan perindustrian juga akan membawa perusahaan-perusahaan baru ke kawasan-kawasan itu serta menggalakkan pembangunan yang lain juga. Oleh itu, dengan adanya pembangunan kawasan-kawasan baru ini serta lain-lain aktiviti ekonomi akan memberi peluang pekerjaan kepada rakyat serta menjadi penggerak pembangunan. Memang saya sedar bahawa ada di antara projek-projek yang telah dijalankan yang tidak berjalan dengan memuaskan. Ini telahpun diketahui sebab-sebabnya dan Kementerian saya telah dan sedang mengambil langkah-langkah tertentu untuk memperbetulkan unsur-unsur tidak cekap atau tidak betul samada berkaitan dengan organisasi projek-projek itu ataupun operasinya. Tetapi tidaklah boleh dikatakan bahawa projek seperti itu telah gagal sama sekali kerana ada di antara projek-projek Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri memerlukan masa yang lama untuk berdiri teguh seperti projek-projek ladang. Oleh itu, tidaklah dapat dinafikan bahawa projek-projek sedemikian tidak mendapat keuntungan kerana keuntungan tidaklah semestinya diperolehi dalam masa yang singkat. Dan lagi yang saya ingin menegaskan bahawa projek yang dijalankan itu mesti diberi ukuran-ukuran sosial selain dari semata-mata ukuran ekonomi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri melaksanakan projek-projek mereka terutama khususnya projek-projek yang memerlukan bantuan Kerajaan Pusat, Kementerian saya serta ajensi-ajensi Pusat yang lain akan mengkaji projek-projek tersebut terlebih dahulu sebelum diberi bantuan kewangan dan dilaksanakan.

LANUN DI SELAT MELAKA

13. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar ada nelayan yang telah menjadi mangsa Lanun di Selat Melaka, jika sedar:

- (a) berapa ramaikah nelayan yang telah dibunuh dan ditangkap oleh Lanun;
- (b) berapa ramaikah Lanun yang telah ditangkap;
- (c) apakah rancangan beliau bagi menjaga keselamatan nelayan daripada gangguan Lanun.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini memang sedar atas perkara itu:

- (a) Bilangan kes-kes yang dilaporkan berkaitan dengan kegiatan lanun adalah seperti berikut:

Tahun 1974	...	...	...	11
Tahun 1975	...	...	...	11
Tahun 1976	hingga	bulan		
September	...	...	...	10

Dalam jangka masa tersebut, terdapat dua orang nelayan yang telah ditangkap oleh lanun-lanun iaitu pada tahun 1975.

Pada tahun 1976 terdapat seorang nelayan yang telah dibunuh pula oleh lanun.

- (b) Tiada seorang pun di antara lanun-lanun yang mengganas di kawasan perairan itu dapat ditangkap kerana mereka telah melarikan diri ke perairan antarabangsa selepas sahaja melakukan kegiatan-kegiatan jenayah itu.
- (c) Demi untuk menjaga keselamatan nelayan-nelayan, rondaan-rondaan telah diperhiatkan lagi dari semasa ke semasa dan pihak Polis Merin telah mengadakan operasi bersama dengan Tentera Laut Di Raja Malaysia dan Jabatan Perikanan. Di samping itu untuk mengawal kegiatan-kegiatan haram di kawasan-kawasan perairan maka kita ada kerjasama yang rapat di bawah peraturan "Co-ordinated Patrol Zone" dan "Combined Naval Patrol" dengan Negeri Thai.

Di bawah peraturan ini di sebelah Pantai Timur Malaysia kita mempunyai 2 buah Kapal Merin dan juga Kapal Kastam dan Kapal Tentera Laut Di Raja Malaysia untuk mengawal di kawasan sebelah kita. Manakala di sebelah Thailand pula mereka mempunyai kapal mereka sendiri. Kawasan yang dikawal ialah antara Narathiwat dengan Kelantan dan sebelah Pantai Barat pula kita mempunyai 2 Marine Police dan juga Kapal Kastam untuk meronda di kawasan perairan antara Satul dengan Perlis sementara pihak Thailand mengawal di kawasan-kawasan mereka.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah Kementeriannya sedar sebab-sebabnya lanun-lanun ini berani mengacau ataupun mengambil tindakan terhadap nelayan-nelayan kita ini ialah kerana memandangkan nelayan-nelayan kita ini tidak mempunyai senjata ataupun alat-alat perhubungan untuk mendapatkan bantuan. Tidakkah Kementerian bercadang untuk melengkapkan atau menolong nelayan-nelayan kita sekiranya mereka memohon memiliki senjata untuk waktu mereka keluar ke laut ataupun memberi mereka peluang membeli alat hubungan supaya mereka dapat membuat hubungan yang cepat kepada rondaan yang dijalankan oleh pihak Kerajaan.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tentang tujuan pihak lanun hendak merompak, susahlah kita hendak tahu oleh sebab mereka ada tujuan masing-masing, tetapi bagi pihak Kerajaan akan memberikan sebarang pertolongan kepada nelayan-nelayan kita sebagai melindungi mereka. Soal memberikan mereka itu senjata dan sebagainya, ini bolehlah ditimbangkan mengikut merit atas satu-satu perkara itu.

PAKAR MATA

14. Tuan Jonathan Narwin minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasi kekurangan pakar-pakar mata di negara ini dan apakah galakan-galakan yang sedang dijalankan bagi menggalakkan doktor-doktor muda tempatan supaya menjadi pakar dalam bidang ini.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada kekurangan yang sangat genting bagi pakar-pakar mata di negara ini. Jumlah pakar-pakar mata yang ada sekarang adalah mencukupi jika dibandingkan dengan beberapa tahun yang lepas. Ada beberapa orang lagi akan kembali ke tanah air tidak berapa lama lagi setelah mendapat kelulusan ijazah pakar mata.

Untuk menggalakkan doktor-doktor muda tempatan menjadi pakar mata, Kementerian saya telah menjalankan langkah-langkah yang sama seperti yang dibuat bagi pakar-pakar dalam bidang kepakaran yang lain. Mereka diberi latihan oleh pakar-pakar yang berkenaan di hospital-hospital besar dengan tujuan untuk mendapatkan kelulusan pakar yang dipilih oleh mereka. Mereka juga diberi biasiswa dan mereka yang kurang bernasib baik yang tidak mendapat biasiswa diberi cuti belajar (tanpa gaji) selama satu tahun supaya mereka boleh mengambil peperiksaan iktisas lepasan ijazah di seberang laut.

LAPURAN SURUHANJAYA GAJI IBRAHIM ALI

15. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Kerajaan ingin menubuhkan sebuah kumpulan akauntan-akauntan yang bebas untuk menyemak semula kos-kos yang dikenakan di dalam Laporan Ibrahim Ali, sebab ada beberapa butir-butir yang berlainan daripada CUEPACS dan Kerajaan.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang serupa dengan ini telahpun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 25-10-76 di Dewan ini iaitu ketika menjawab soalan tambahan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu.

PENGGANAS KOMINIS

16. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan pengganas-pengganas kominis yang telah ditawan; bilangan yang terbunuh dan cedera; bilangan kemah yang dimusnahkan dan barang-barang yang dirampas.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, adalah sulit untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu kerana tidak ditetapkan dari tarikh bila angka yang berkenaan itu dikehendaki. Walau bagaimanapun kalau sejak 1970 angkanya adalah seperti berikut:

Pengganas	kominis	yang	
ditawan	...	...	278 orang
Pengganas	kominis	yang	
dibunuh	...	...	449 orang
Kemah-kemah	yang	di-	
musnahkan	...	...	453 buah.

Berhubung dengan bilangan pengganas-pengganas yang cedera ini, kita tidaklah dapat pastikan. Walau bagaimanapun di dalam beberapa pertempuran dengan mereka, bekas-bekas darah telah dijumpai yang menunjukkan ada banyak pengganas-pengganas yang cedera. Mereka yang cedera ini dipercayai telah dibawa lari oleh rakan-rakan mereka ke dalam hutan belantara.

KOMINIS DALAM PARTI POLITIK

17. Tuan Leo Moggie anak Iroke (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- samada benar bahawa ideologi kominis telah meresap dalam UMNO dalam cara sekarang;
- samada ideologi kominis ini telah juga meresap dalam parti-parti politik yang lain; dan
- jika ya, apakah tindakan yang telah diambil ke atas parti-parti politik yang terlibat itu.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan (a) Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun membuat suatu kenyataan pada 1hb November, 1976 dan saya rasa tidak perlu lagi saya menjawabnya.

Berhubung dengan soalan (b) dan (c), satu jawapan kepada soalan yang hampir sama telah juga diberi oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada 3hb November, 1976.

Tuan Lim Cho Hock: Soalan tambahan. bolehkah

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa jawapan sudah diberikan dahulu—keterangan telah dibuat, jadi tak ada apa yang dijawab hari ini. Ahli Yang Berhormat hendak tambah yang mana, yang hendak dibangkitkan, adakah soalan yang dahulu? Kalau hendak ditambah itu, ialah daripada apa yang dijawab. Kalau tak ada dijawab, apa yang hendak ditambahkan?

Tuan Lim Cho Hock: Soalan tambahan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yalah, soalan tambahan itu boleh diasaskan atau disandarkan kepada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa soalan ini telah dijawab dahulu. Hari ini Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab.

PELABURAN TEMPATAN DAN ASING

18. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan dengan mendalam langkah-langkah fizikal dan kewangan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan tempatan dan asing di dalam negara kita di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telahpun membentangkan dengan jelas dan panjang lebar langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan di dalam Ucapan Belanjawan saya pada 29hb Oktober tahun ini dan butir-butir berkenaan langkah-langkah tersebut juga boleh didapati di dalam Lapuran Ekonomi Kementerian Kewangan 1976/77. Jadi tidak perlu saya mengulangi apakah langkah-langkah itu lagi di sini.

Walau bagaimanapun, langkah-langkah baru yang tercatat di dalam Ucapan Belanjawan saya itu akan diubahsuai mengikut keadaan yang mungkin timbul supaya langkah-langkah tersebut boleh menggalakkan pelaburan tempatan dan asing di dalam negara kita.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1977

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” (5hb November, 1976).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1977

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,694,337,589 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1977, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1977 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 39 tahun 1976, adalah diutukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan lima dan enam senarai tersebut. (5hb November, 1976).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung semula. Ahli Yang Berhormat dari Kanowit.

3.16 ptg.

Tuan Leo Moggie anak Iroke (Kanowit): Tuan Yang di-Pertua, saya berasa gembira kerana dapat mengambil bahagian atas perbahasan Belanjawan 1977 dan saya menyokong usul yang memberi kebenaran untuk Belanjawan yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya minta izin untuk memberi pandangan saya dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, Budget yang kita sudah dengar pada minggu lepas—the speech that was given by the Finance Minister had in general been welcomed and accepted by the people in this country. I am interested in one particular

aspect which is not mentioned in the Budget, but I believe it is indicated in the Treasury's Economic Report.

There are three items which seem to be indicated in that Report with the view that the estimate for domestic price level increase for next year should be around 5%. This estimate apparently is based on three assumptions.

Yang pertama, it is anticipated that domestic production, lebih lagi atas food production and essential goods, will be increased.

Yang kedua, it is anticipated and hoped that there will be co-ordinated financial management.

Yang ketiga, kita berharap ada consistent wage and business and private sector policy.

Apa yang saya hendak catitkan, Tuan Yang di-Pertua, is the third basis of that projection. In short, the basis of that projection indicates that there is a need for, and perhaps it is anticipated that the Treasury will probably give us an income and prices policy. A consistent wage and business sector policy, in other words, is an incomes and prices policy tetapi apa yang kita tunggu ialah dalam Budget yang sudah dikeluarkan oleh Minister of Finance minggu yang lepas detail-detail atas polisi yang dituju itu tidak ada diterangkan. In other words, the details of that intended policy has not been spelt out. I am sure that the Minister himself will have his own timing. I need only to comment, Sir, that it is the normal economic practice, as I am sure the Minister will agree, that the timing to institute this type of policy is the time when the economic condition of the country is beginning to have an up-swing. In terms of our assessment for Malaysia, I think that time is now.

My proposal, Sir, is that the Finance Minister consider the possibility of examining, and if possible, instituting a prices and income policy for Malaysia, kerana apa yang telah berlaku in the past—this is true for us as well as for any other country—the tendency is for prices and wages to chase each other in spiral steps and kita pun tahu the prices will tend to increase and therefore the demand for increased wages will magnify as we go along. In other words, there may

be a need to have not only a restraint in wage policy in terms of the public sector and the Civil Service; all too often when we talk of wage restraint, we have confined ourselves strictly to the Civil Service. Perhaps, if the philosophy of the Ibrahim Ali Report is of any indication, the increased requirement in the wages of public servants was predicated on the level of income of the private sector employees. This being the case, wage restraint must necessarily also take into consideration productivity level not only in the public sector itself, but also must include the general economic employment in the country.

Selepas dari masalah yang saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya suka yang kedua bercakap atas soalan negara kita ini, the Federal system of Government. In the Budget and in this House, we have been discussing mainly Federal subjects and Federal policies. But unfortunately, Federal policies and Federal subjects and the intentions of the Federal Government must also be filtered to the various States if the intentions are to be translated into practice. Apa yang saya cakapkan, ialah dalam 13 States in Malaysia implementation of a lot of development projects will necessarily have to be undertaken by the various State Governments. Jika ada dalam satu-satu State tidak cukup machinery to implement the Third Malaysia Plan that we have then the Federal interest and the intentions that we are debating here might not be translated into actual practice at the State level. Banyak juga masalah atas satu-satu negeri dalam Malaysia dan kita berharap Kerajaan Pusat tidaklah akan puashati menyokong bila masa Kerajaan Negeri minta sokongan yang perlu untuk menjalankan kemajuan yang dikehendaki. The Government's machinery at the State level must also be fully geared and updated and the planning process not only at the Federal level but also at the State as well as the administrative capabilities of all State Government Agencies will also have to be watched. Unfortunately, the States that need the most help are the States that are most lacking in entrepreneurial experience and these are the States that obviously require more development. It is not sufficient that we have the money, but we should also have the ability among our machinery to use that money. When it comes to the State level it is our hope, Sir, jikalau

Kerajaan Negeri meminta sokongan atau belanja-belanja yang telah diluluskan oleh kita dalam Dewan ini, Kerajaan Pusat teruskan dihantarkan dengan secepat mungkin supaya perjalanan Kerajaan itu dapat berjalan dengan cepat.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, the administrative machinery at the State level and Federal level also needs, perhaps not only at the lower echelon of the Civil Service but from the very top, a certain level of real delegation of powers so that top Government servants need not necessarily be bogged down with details which can easily be handled and taken care of by officials at the lower ranks. Unfortunately, this situation tends to operate in certain instances and it is useful if, when we talk of delegation, Sir, the senior Civil servants also consider that delegation involves them as well rather than purely officials below their ranks.

Yang ketiga masalah yang menentang beberapa State kita harap Kerajaan Pusat will also constantly be responsive to the genuine needs of the various States. Saya hendak menyentuh satu example tetapi example ini is not really that serious but it indicates the need to have that response. Kita sekarang tidak ada yang saya tahu large scale maps published with authority indicating the outer limits and the areas of the territorial waters of Malaysia. Now, the existence of such a map of a large scale and published with authority is required under Section 5 of the Emergency (Essential Powers) Ordinance, No. 7 of 1969. This Ordinance has been enforced for the last seven years tetapi sampai sekarang the statutory requirement for the existence of such a map is still there. The existence of such a map, Sir, is useful and necessary for defining the territorial waters of Malaysia.

Sir, I want to give one example of the effects of the non-existence of this map in terms of difficulties it creates to our local coastal fishermen in Sarawak, kerana pada masa sekarang ada berlaku some foreign fishermen are fishing in our waters and unfortunately there is little we can do, unless we can define in terms of legal documents and in legalistic terms where the boundary of our territorial waters is.

Sekarang kita nampak ada banyak nelayan-nelayan—small-time coastal fishermen—yang tidak memuaskan hati kerana banyak orang daripada luar negeri kadang-kadang menangkap ikan dekat dengan tempatan mereka sendiri. Ini nampaknya perlu, Tuan Yang di-Pertua. If the National Mapping Council can see that there is an urgent need to have a large-scale map that would indicate and delineate the boundary of the territorial waters of Malaysia, this would solve the problem we have in trying to deal with foreign people who fish in our waters.

Soalan yang ketiga yang saya hendak menyentuh deals with the rural development in Sarawak. I have left this to the latter part of my speech, kerana development dalam Sarawak masaalahnya sekarang adalah sangat berlaku—definitely in the rural areas. Rural development may be broadly classified in the State to include those economic activities relating to agriculture, livestock, fisheries and forestry. Dalam Negeri Sarawak, this sector is of great importance as the vast majority of the population are dependent entirely upon it for their livelihood.

Based on the 1970 Census, it was estimated that about 79% of her population of 975,000—odd people live in the rural areas while the remaining 21% are found in the urban areas. It is also observed in that Census that out of the labour force totalling 347,000—odd more than 60% are involved in agricultural activities. It is an accepted fact that the rural sector is by and large associated with being defined as a poverty region. It needs emphasis every time—repeated emphasis—that greater means in terms of financial allocation, year by year, must be geared to the development programmes which contribute towards income generation and the reduction of poverty level in the rural areas. I have here some indicators of percentage within the last ten years of total actual development expenditure in the State of Sarawak allocated to rural areas:

Year				Total Actual Development Expenditure
1964	...	...	...	33%
1965	...	...	...	45%
1966 roughly	...	...	...	50%
1967	„	...	...	50%

Year				Total Actual Development Expenditure
1968	..	...	...	21%
1969	..	...	...	26%
1970	..	...	...	32%
1971	..	...	...	21%
1972	..	...	...	30%
1973	...	...	...	29%
1974	...	...	...	45%

Fortunately, in 1974 we came up with a sudden increase to 45%. Apa yang kita harap ialah dalam tempoh Third Malaysia Plan perhaps, certainly in terms of need requirement, a bigger allocation in terms of percentage of the total expenditure would be needed to uplift rural conditions.

I know, Sir, that in the Second Malaysia Plan period (1971-1975) continuing attention was given to the various agricultural programmes with a view to raising progressively the income and productivity of the rural communities. Some of the physical results of the investment included the planting of 23,000-odd acres of coconut plantations under the Coconut Planting Scheme, the replanting of some 14,500 acres of rubber and the planting of 39,400 acres of padi under the Assistance to Padi Planters Scheme. In addition, an estimated total acreage of 19,430 acres of pepper gardens were planted under the Pepper Subsidy Scheme. These various subsidy schemes were being implemented at various places in the State, and under the Third Malaysia Plan, where the eradication of poverty is one of the primary objectives, agriculture and rural development has been allocated a sum amounting to some 26% of the total allocation of \$1.6 million for the whole State of Sarawak. Certainly, Sir, in terms of figures, this sum amounts to some three times to that expended for agriculture and rural areas development during the Second Malaysia Plan, and this figure, if seen on the surface, in absolute terms, is impressive enough. Tetapi kerana the gap that had existed during the last few years has been so great that there is still an urgent need to further improve and upgrade the rural sector.

Under the Third Malaysia Plan, Sarawak has not been classified as a poor State because its *per capita* income of \$1,263, according to the 1975 Estimates, is considered

high relative to other States such as Kedah, Perlis, Malacca, Trengganu and Kelantan. But the *per capita* income concept is not an entirely reliable measure of a State's affluence—and has never been a reliable measure of a State's affluence—for any State, Sarawak included. But for the case of Sarawak, the distortion in using that concept is emphasised because of three factors:

- (1) The *per capita* income is inflated, because of the substantial income derived by the State from petroleum.
- (2) Because of the relatively small population in the State.
- (3) Because the gap between the urban income and the rural income is enormous.

So, in actual practice, the poverty line in terms of rural population is definitely more emphasised than is indicated in the statistics. Apakah perkara-perkara atau sekim-sekim that might be proposed to uplift the rural society?

Tuan Yang di-Pertua, this is an enormous problem and I would be presumptuous to suggest that I am the only one who has the answers to them. They need constant attention and constant reminders. To my mind, we must certainly continue with the sort of agricultural subsidy schemes that we have—with more emphasis. In addition to that, there is an urgent need to improve the infrastructure conditions by the construction of more roads to the rural places. Let me emphasise that when we construct roads, do not confine ourselves to determining the viability of the roads and the need of the roads purely on the Gross National Product concept in terms of the whole nation because there are pockets of population in the rural society who have no access to markets whereby they can sell their produce at an equitable price. If we confine our planning purely in terms of the Gross National Product, we will forever confine the rural population to abject conditions of poverty.

It is also suggested that, in addition to these two a more intensive psychological approach be made to try and persuade the rural population to be more ready to take opportunities of development that might be offered to them, but this third alternative

can only be considered if the two pre-requirements are in existence; otherwise, we might lend ourselves in encouraging greater expectations than we can hope to meet.

The accelerated development of the rural sector is essential for the attainment of the objective of the New Economic Policy. Unfortunately, for a State like Sarawak, we have now no data to indicate and define, in exact terms, the level and the incidence of poverty. We hope that the recent intention of the World Bank to make a study of this will be done as soon as possible.

Tuan Yang di-Pertua, I have spoken at length to emphasise a recurrent theme in terms of Sarawak needs and I have spoken on the same theme and on the same subject on various occasions but I should like to impress again that problem will bear repeated mentioning. Leaving that aside, Sir, I want now to touch briefly on some minor but, nevertheless, sometimes very irritating items.

I was travelling up-country last week and I was asked by the rural people this question: "Why can't we get kerosene (a simple thing like kerosene) when kerosene is produced in Malaysia?". I tried to produce an answer as far as I could but at the back of my mind I was not even able to convince myself, because, strangely enough, there are repeated instances of shortages of kerosene in Sarawak. Quite often in the rural townships and in the bazaars kita tengok queue yang panjang sangat menunggu membeli minyak gas tetapi balik pula mereka tidak juga boleh dapat minyak gas. Ini berlaku di banyak tempat. What is the reason? What is the cause? Saya sendiri pun tidak faham. I know, perhaps, it has something to do with the mechanics of the market economy whereby, because the price of kerosene is restricted and therefore subsidised, perhaps the major oil companies reduce the amount that is put into the market. The effects of this obviously are that whatever cheap kerosene is available, because it is at a subsidised price, is taken up by those in the urban centres, not for home consumption, but perhaps for light industrial uses, and at one go we beat the very purpose of instituting the subsidy, because the intention of that had been to ensure that the final home consumers get the benefit. But it is not so in practice.

One other reason perhaps is that oil companies have what they call "reference areas" whereby they can take kerosene only to specified "reference areas" and in most cases these "reference areas" are areas in the urban centres, not in the rural townships, and once again the poor rural communities will be the ones who will get the brunt of it. Masalah ini bukan senang diatur. I know there will be a lot of loopholes for those who have the intention to beat the system. There will always be ways and means to do so. But perhaps what we can do is to revise our "reference areas" and increase at the same time our enforcement officers in terms of number. Dalam semua Negeri Sarawak sekarang, an area which is almost as big as the whole of Semenanjung Malaysia, there are only five enforcement officers attached to the Ministry of Trade and Industry. Kita sedar lima orang ini tidak dapat menjalankan tugas di seluruh Negeri kerana physically it could be quite difficult for them to do so because of shortage of personnel.

Selepas masalah itu, I want to briefly discuss the last point about the Rejang Security Command, briefly called RASCOM. The Rejang Security Command as a concept whereby it is a coordinated action, by the military, the civilians and the Police to contain insurgency, has operated adequately and very well. There have been successes in terms of security requirements. I am not touching on security issues in this respect directly, because I think they have been doing a good job. But there is one by-product of the RASCOM arrangement that has not received attention. I refer, Sir, to the various resettlement and regrouping schemes that had been instituted in 1972. The regrouping of communities on security ground is an acceptable principle of policy. But, unfortunately, where they are re-grouped without a permanent income, without permanent means of generating their income, they will for ever be dependent either on a welfare subsidy of the Government which no Government can afford to give continuously year after year, or else they will be starving.

These resettlement areas, three of them, comprising a sum total of 958 families with a rough population figure of some 6,000 people have been confined to areas under settlement for the last three years and up to now there is yet no definite decisions as to what is going to happen to them with regard

to their long-term livelihood. Kita menyeru, Tuan Yang di-Pertua, masalah ini nampaknya mestilah diambil perhatian dengan segera dan apa-apa tindakan yang diambil akan dimemberikan keputusan dengan segera juga. Because, Sir, yang pertama, orang-orang dalam settlements tersebut tidak dapat mencari jalan untuk makanan sendiri. Yang kedua, we are not concerned purely with welfare and health, the importance of long-term livelihood, but it is also a security problem. In addition to the other issues that I have been mentioning, it is a security problem because the people who are involved in the settlement areas are increasingly frustrated and increasingly dissatisfied. What better grounds for the breeding of insurgency can we plant! It is urgent because we might encourage the entrenchment of the very evil that we are trying to erase. It is urgent not only because of their future livelihood but because these rural communities—these are rural Dayak communities, Sir—fortunately up to now have not been associated with the security threat. Let us not then take the risk that these particular minor instances might be used as a basis and might be capitalised by elements which are waiting to capitalise this sort of situation to persuade the Dayak communities which have hitherto not yet been persuaded to that line of terrorist activities to sympathise with an anti-national concept.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengundurkan diri, I need only to conclude by summarising the points that I have been trying to impress on this House;

- (1) Because it seems to me that inflation might again emerge as one of the main problems sooner than we anticipate in Malaysia, I would suggest, Sir, that the time is now ripe for consideration on the part of the Government to institutionalise or to have a Prices and Income Policy.
- (2) In conclusion, I would also say that the implementation of development rests not only with the Federal level but also with the State machinery and that where the State machinery is lacking and needs Federal help, that help when it is being asked for genuine needs, should be given as soon as possible.

- (3) Rural development strategy for the State in Sarawak is identified and synonymous with the development of Sarawak itself. Unless we accept that concept, the rural conditions in the rural areas in the State will continue to lag behind.
- (4) We should try and minimise a repetition of haphazard type of action that might backfire. I refer to what personally I consider as inadequate planning in terms of resettlement in RASCOM areas in Sarawak before the settlement schemes were implemented.
- (5) Any minor irritations that are observed should be removed. I mentioned two minor but nevertheless very disturbing examples: firstly, our urgent need to have a large-scale map for Malaysia published with authority, that would indicate our territorial waters; secondly, the need for us to ensure that the kerosene supplies for rural communities, to those who need them most would be available and adequate, which it is at the moment not.

3.55 *ptg.*

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya (Maran): Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar dan kemudiannya membaca kembali akan Ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan maka saya sesungguhnya berpendapat dan penuh percaya bahawa dasar Belanjawan Kerajaan pada hari ini adalah pada keseluruhannya sangat-sangat adil dan setimpal dengan keadaan masyarakat dan di atas inilah maka saya bangun pada petang ini untuk memberikan sokongan sepenuhnya kepada Bil yang telah dikemukakan itu. Juga, setelah mendengar ucapan-ucapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini maka tidaklah banyak perkara yang saya akan kemukakan melainkan seperti kata pepatah Melayu hanya hendak menambahkan tepung yang cair semuga ia menjadi lebih pekat dan sedap dibuat kueh.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya rasa ada beberapa perkara yang patut saya membuat teguran ataupun cadangan semuga ianya mendapat perhatian dan pertimbangan daripada pihak Kerajaan. Saya berpendapat bahawa pindaan kepada berbagai-bagai cukai ini adalah terlalu selective

dan terlalu banyak kompromi yang telah dibuat di antara Yang Berhormat Menteri Kewangan dengan berbagai kumpulan masyarakat kita dan sedikit-sebanyak tax structure ataupun bentuk cukai ini adalah bertentangan dengan dasar nasional. Contohnya, hari ini kita bercakap mengenai dengan perkara membina masyarakat, memberikan kemudahan perubahan kepada masyarakat, memberikan masyarakat kesihatan yang sebaik-baiknya, pelajaran yang sebaik-baiknya dan sebagainya, tetapi di samping itu kita masih takut-takut, kita masih ragu-ragu hendak menaikkan cukai arak; kita masih ragu-ragu hendak menghapuskan perjudian; kita masih ragu-ragu hendak menaikkan cukai rokok. Daripada tahun ke tahun tiap-tiap orang Ahli dalam Dewan ini telah menyokong supaya cukai-cukai seperti ini dinaikkan di antara 50% dengan 100% tetapi perkara ini kita masih enggan untuk melaksanakannya dan itulah sebabnya saya kata tadi bahawa tax structure atau pindaan-pindaan kita itu tidak betul-betul 100% setimpal dengan dasar nasional.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pindaan cukai ini saya rasa adalah satu perkara yang amat penting dan patutlah dihalusi, dikaji oleh pihak Kerajaan dengan penuh berhati-hati. Dalam hal ini, kita tidak patut memikirkan perkara kompromi. Kita hendak beri puas hati kepada satu kumpulan orang; kita hendak beri puas hati kepada satu golongan manusia. Apa juga perkara kompromi yang kita persetujukan, perkara puas hati yang kita beri kepada satu pihak, maka tiap-tiap pindaan kepada cukai itu tidak akan memberi puas hati kepada sebilangan lapisan masyarakat. Pada hemat saya apa yang kita buat, apa yang kita patut patuhi adalah semata-mata kita berdasarkan kepada dasar nasional yang saya sebutkan tadi. Kita hendak memberikan keselamatan kepada rakyat kita; kita hendak memberikan pelajaran yang cukup, dan kita hendak memberikan perumahan yang cukup. Jadi, perkara ini adalah perkara dasar nasional. Di mana sahaja perkara ini melibatkan cukai maka selonggar-longgar cukai patutlah kita berikan kepada perkara ini. Di sini saya suka juga menyebut dengan secara detail mengenai Belanjawan ini.

Tuan Yang di-Pertua, setelah merujuk kembali kepada ucapan belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan itu maka di sini saya ingin menyentuh sedikit mengenai

dengan perubahan cukai kepada koperasi. Di sini saya berpendapat bahawa perubahan cukai kepada koperasi ini selain ianya terlalu ringan ia juga mengandungi berbagai technicalities yang bukan sahaja akan menimbulkan kesulitan pentadbiran tetapi juga memberi peluang kepada kumpulan yang bermodal dan bijak di dalam perniagaan mengambil kesempatan mengelakkan daripada membayar cukai dengan adanya pindaan seperti ini. Misalnya, kebebasan cukai di dalam masa lima tahun semenjak koperasi itu ditubuhkan adalah jangka masa yang begitu lama kerana kepada kumpulan yang bermodal dan berpengaruh di dalam jangka masa lima tahun itu mereka boleh menjalankan berbagai-bagai aktiviti yang boleh mendatangkan keuntungan berjuta ringgit dan tidak tertakluk kepada sebarang cukai. Kumpulan yang bijak seperti ini bukanlah menubuhkan koperasinya tanpa tujuan yang tertentu. Akan tetapi, mereka ini akan merancang aktiviti mereka terlebih awal sebelum koperasi itu didaftarkan dan melaburkan wang mereka di dalam jenis pelaburan yang tertentu yang sememangnya akan mendatangkan keuntungan yang besar. Kemudian selepas lima tahun mereka ini akan membuat deklarasi mengatakan bahawa members fund mereka ini tidak melebihi daripada \$500,000 dan kemungkinannya di bawah peraturan baru ini bahawa asset koperasi itu tidak digelar sebagai members fund. Kemudian kita harus memikirkan pula apakah akibatnya jika kumpulan seperti ini selepas memperolehi keuntungan yang begitu besar membubarkan koperasinya dan kemudian menubuhkan pula koperasi yang baru di bawah nama yang berlainan dan menjalankan pula aktiviti yang membawa keuntungan yang besar juga dan kemudian membubarkannya pula di akhir tahun yang kelima dan proses ini bersambungan dari lima tahun ke lima tahun. Kerajaan hendaklah memikirkan semula di atas perkara ini dengan sebaik-baiknya.

Pada fikiran saya asas atau criteria mengenakan cukai ke atas koperasi hendaklah berdasarkan kepada :

- (i) Jenis aktiviti koperasi tersebut;
- (ii) Luasnya bidang aktiviti koperasi itu; dan
- (iii) Keuntungan diperolehi oleh koperasi.

Jangka masa perlepasan cukai adalah tidak sesuai sama sekali. Ini tidak bermakna saya menyokong pada undang-undang yang lama. Tetapi maksud saya dengan cara ini pihak Kerajaan bolehlah memberi dorongan serta galakan kepada koperasi untuk berusaha di dalam sesuatu lapangan perniagaan atau perusahaan yang sangat-sangat diperlukan oleh negara di dalam percubaan untuk menstabilkan harga.

Di sini biarlah saya memberi contoh. Misalnya, jika sesebuah koperasi itu sungguhpun ia mempunyai sumbangan ahli-ahli lebih dari \$500,000 selepas lima tahun, tetapi telah menjayakan perusahaan mengeluarkan bahan makanan, maka pada hemat saya koperasi itu patutlah mendapat perlepasan cukai, kerana kita hendak membanyakkan pengeluaran bahan makanan untuk menstabilkan harga dan kemudiannya menyelamatkan pertukaran luar. Akan tetapi, dan sebagai contoh kedua, jika sekiranya sebuah koperasi itu tidak mempunyai sumbangan ahli melebihi daripada \$500,000 selepas atau sebelum jangka masa lima tahun, tetapi menjalankan perusahaan yang kurang digalakkan oleh negara di atas priority keperluan dan mendapat keuntungan yang besar maka ia harus dikenakan cukai. Apatah lagi jika keuntungannya itu termasuk di dalam lingkungan 40% daripada harga kos. Jadi, dengan jalan ini maka dapatlah pihak Kerajaan memberi pilihan kepada koperasi, apakah jenis aktiviti yang mahu mereka lakukan dan dengan secara tidak langsung aktiviti koperasi itu akan mendatangkan keuntungan jangka panjang kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah mengenai dengan cukai pembangunan (development tax) kepada syarikat perkongsian (firm), di sini saya hendak sentuh sedikit mengenai dengan professional firm. Sungguhpun development tax ini kecil iaitu di dalam lingkungan 5% sahaja, Kerajaan harus ingat bahawa kita sekarang ini hendak menggalakkan pertumbuhan professional firm terutamanya di kalangan kaum bumiputra. Kerajaan haruslah menyedari hakikat bahawa bukanlah mudah bagi seseorang professional terutamanya bumiputra untuk mengestablishkan sesuatu firma tidak kira samada firma peguambela dan peguamcara, firma akitek, firma jurukor, firma doktor, firma perunding dan sebagainya. Sesebuah firma seperti ini bertungkus-lumus selama di

antara 2 hingga 4 tahun sebelum ianya mulai mengecap sedikit-sedikit keuntungan dan selepas sahaja puas bertungkus-lumus dan mendapat sedikit-sedikit keuntungan ini tadi maka pintu perangkap telah menunggu iaitu development tax. Di kalangan bumiputra khususnya bukanlah semua kaum professional mempunyai latar belakang yang kuat yang mempunyai pengaruh yang boleh mendapat keuntungan selepas satu dua tahun mereka membuka firma sendiri. Jadi, kalau mereka itu anak-anak Tan Sri, anak-anak Datuk-datuk, ini mungkin lain sedikit. Tetapi kebanyakan mereka ini datang daripada latar belakang yang dhaif. Mereka mengambil masa untuk mencari pengaruh, untuk mendapatkan pekerjaan dan sesuai sangatlah dengan hasrat Kerajaan untuk menggalakkan, untuk membanyakkan lagi professional firma di dalam negara ini. Jadi, perlepasan cukai dengan jangka masa tiga atau empat tahun tadi adalah lebih sesuai di sini daripada diberikan kepada koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya suka sentuh sedikit di sini iaitu cukai mengenai menukar syarat tanah (conversion fee). Kerajaan patutlah mengkaji semula dasar cukai ini kerana cukai ini dikenakan di antara 15% dengan 30% di atas harga tanah tersebut. Ini mengikut di manamana Negeri. Kalau di Wilayah Persekutuan saya difahamkan sampai 30% daripada nilai tanah itu. Ini adalah sangat tinggi. Undang-undang cukai ini adalah tidak sesuai sama sekali dengan keadaan masa. Demand bagi rumah-rumah sekarang ini terutamanya di bandar-bandar yang pesat membangun masih melambung tinggi. Cukai tukar syarat tanah ini menyebabkan harga rumah juga melambung tinggi. Disebabkan harga rumah dan sewa rumah yang tinggi inilah yang seperti kita tahu maka baru-baru ini CUEPACS telah bergila-gila hendak melancarkan mogok dan disebabkan keadaan sosial seperti inilah maka ada di antara pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat dengan rasuah. Ini adalah kenyataan yang kita sama-sama faham. Jadi, mengapakah Kerajaan tidak memikirkan hal ini semua. Jikalau pihak Kerajaan dapat mengecualikan cukai ini maka Kerajaan akan dapat mengurangkan harga rumah sebanyak di antara 15% hingga 30%. Ini adalah merupakan contribution yang amat besar kepada rakyat

dan saya percaya inilah aspek socialism yang amat disanjung tinggi oleh rakyat. Saya percaya jika Kerajaan dapat memberi contribution ini, Kerajaan Barisan Nasional ini akan memerintah barangkali lebih daripada 50 tahun.

Saya sedar bahawa dengan berbuat demikian Kerajaan akan kerugian berjuta-juta ringgit tetapi ini dapat dikutip balik bahkan lebih menguntungkan daripada cukai jangka panjang jika Kerajaan menaikkan cukai pintu dan sebagainya mengenai bangunan dan rumah. Kenaikan cukai pintu yang dibayar sekarang ini akan tidak begitu terasa lagi oleh rakyat dan rakyat akan mengerti akan hasrat dan tujuan Kerajaan itu. Perumahan adalah satu perkara yang amat penting dan Kerajaan patut memikirkannya dengan serious. Benar Kerajaan telah mengadakan projek rumah murah di merata tempat tetapi masalaahnya berapa banyak, berapa yunitkah rumah murah ini yang Kerajaan akan dapat bina. Dalam Wilayah Persekutuan ini kalau semua hendak buat rumah, maka barangkali Wilayah ini namanya tidak begitu indah pula.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai dengan cukai tukar syarat tanah kepada industri. Inipun patut juga Kerajaan fikirkan semula. Apa salahnya kalau pihak Kerajaan membuat category di dalam hal ini, iaitu jika sekiranya tukar syarat daripada pertanian misalnya kepada industri dan industri yang hendak didirikan itu ialah mengenai pengeluaran bahan makan dan oleh kerana dasar kita hendak mengeluarkan banyak lagi bahan makanan maka tidak patutkah Kerajaan ini menghapuskan cukai seperti ini ataupun tidak menghapuskannya sama sekali merendahkan serendah-rendah yang boleh.

Satu lagi perkara mengenai dengan cukai minuman keras yang saya telah sebutkan tadi. Dari tahun ke tahun saya sudah dengar dan Tuan Yang di-Pertua juga dengar samada tiap-tiap orang Ahli yang menyentuh hal ini mahukan cukai minuman keras ini dinaikkan 100% atau lebih. Tak kira mereka itu daripada parti mana: UMNO, M.C.A. Pembangkang, PAS, semua mereka tak menyokong cukai ini, ada setakat sekarang ini, mereka ini berkehendakkan supaya cukai dinaikkan 100% ataupun lebih. Suara di Dewan ini, adalah suara rakyat. Saya hairan mengapa suara rakyat membangkitkan

mengenai perkara arak dan judi tidak dihiraukan langsung. Tak adakah perkara ini akibatnya kepada rakyat yang membaca surat-khabar, rakyat mengetahui akan perkara ini. Mengapa kita membuat kompromi seperti ini? Kita tak usahlah fikir hal ini ataupun kita memberi pertimbangan daripada segi ugama kerana kita bukan semua Islam. Tetapi mengapa pihak Kerajaan tidak dapat mempertimbangkan daripada segi social. Arak adalah anti-masyarakat dan kita harus tidak menggalakkan masyarakat kita minum arak. Demikian juga dengan menghisap rokok. Kemalangan jalanraya, kemalangan udara, perceraian suami isteri, kecuaiian di dalam pekerjaan—ini penting: corruption, rogol dan pembunuhan sebilangan besar, sebabnya ialah oleh kerana arak. Jadi dengan hal yang demikian kita tidak harus menggalakkan arak dan kita harus tidak menggalakkannya dengan menaikkan cukai 100%. Kita tidak boleh menghapuskannya sama sekali oleh kerana ini akan merosakkan kesihatan setengah orang yang meminati dan ketagih kepadanya. Ada di kalangan masyarakat kita yang ketika ini bukan lagi ianya makan arak tetapi arak telah memakannya. Jadi kepada golongan ini jikalau kita hapuskan arak maka kita akan melakukan kezaliman yang amat sangat. Itu adalah tidak patut, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi apa yang saya maksudkan, kita naikan sahaja cukai. Kita adakan arak tetapi naikkan cukai maka mereka ini kurang sedikit minum.

Seperkara lagi ialah mengenai dengan tax incentive. Undang-undang yang ada sekarang ini adalah baik, tetapi apa yang dianggapkan ideal lapan tahun dahulu, iaitu tax incentive ialah tahun 1968, tidak lagi sesuai dengan keadaan masa. Jikalau dahulunya kita mahukan seberapa banyak pelabur asing melabur di sini, sekarang ini saya rasa kita sudah mencapai 50% matlamat itu ataupun lebih. Pelabur asing jikalau mereka dapat melaburkan sahaja mengambil kesempatan menggunakan cheap labour dan memberikan pekerjaan kepada rakyat di negara ini adalah tidak mencukupi kepada kita. Dasar kita di masa hadapan mengenai pelaburan asing, ialah bak kata pepatah Melayu: hendaklah hidup sandar menyandar, seperti aur dengan tebing, tetapi janganlah hendaknya kita yang lebih bersandar kepada mereka. Biarlah mereka akan lebih bersandar daripada kita. Maksud saya, kita hendaklah lebih selective

di masa-masa akan datang, kerana kita telah banyak memberi tax incentive kepada pelabur asing ini. Di dalam kita memilih dengan memberi tax incentive kepada industri yang baru kita hendaklah terlebih dahulu menentukan bahawa kita mempunyai feeder industries yang cukup di dalam negeri kita sendiri. Misalnya, selain daripada mereka menggunakan tenaga pekerja kita di semua peringkat, mereka hendaklah juga menggunakan barang pengeluaran dari feeder industries kita ini tadi atau raw materials yang kita keluarkan daripada sumber alam. Jika-kalau mereka memenuhi kehendak ini, maka baharulah kita menimbangkan untuk meluluskan permohonan tax incentive mereka.

Perkara yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah yang saya sebutkan di dalam soalan tambahan tadi mengenai syarikat insuran. Syarikat insuran di negara kita ini sekarang mengatakan bahawa adalah tidak untung mereka ini menjual polisi atas kereta-kereta motor kerana terlalu banyak kemalangan jalanraya. Jadi dengan demikian mereka telah menggunakan excess clause sekecil-kecil kereta daripada \$250. Mercedes sampai \$750 kalau motokar persendirian. Itu tak masuk teksi yang excess clause di antara \$1,000 hingga \$1,500. Ini saya tak tahu samada benar pihak insuran ini benar tidak mendapat untung daripada menjual polisi kepada tuan-tuan punya kereta motor sendiri. Saya rasa pihak Kerajaan perlulah membuat sedikit penyiasatan dan jika-lau tidak benar, pihak Kerajaan patutlah mengambil tindakan yang sewajarnya. Adalah tidak patut saya rasa kalau masaalah ini dibiarkan begitu sahaja. Kita percaya kepada insurance policy dan apabila rakyat membeli sebuah motokar, mereka ini berkehendakkan insuran, mereka terpaksa percaya kepada syarikat-syarikat insuran dan mereka ini terpaksa menerima polisi dengan excess clause di antara \$250 dengan \$750, katalah kalau beli Mercedes \$750 excess clause. Ini bermakna kalau kita menemui kerosakan, kemalangan \$750 harga nilai kita hendak repair, mereka ini tidak akan ganti. \$750 kita bayar dahulu. Jadi nampaknya syarikat insuran ini hendakkan kita accident terok benar. Kita accident sampai melibatkan nilai hendak repair \$3,000 hingga \$4,000 baharu dia hendak bayar bermakna atas daripada \$750. Pada hemat saya, kalau accident itu sampai melibatkan beribu-ribu ringgit, tuan motokar itu barangkali tak

bernyawalah. Jadi kalau kita dapat accident tiga empat kali dalam masa lima tahun kalau bawah daripada \$750 tiap-tiap kali kita juga membayar—syarikat insuran tidak keluar apa-apa. Lagi pun soalan keselamatan jalanraya. Mereka ini ada kepentingan dengan keselamatan jalanraya. Mereka komplek kerana tidak untung menjual polisi kepada private motocar kerana banyak sangat kemalangan. Kita libatkan mereka itu, kita adakan suatu undang-undang, libatkan mereka ini dengan cara kewangan supaya mereka ini juga memberi contribution di dalam Kempen Keselamatan Jalanraya. Jadi dengan yang demikian, kita berharap apabila Kerajaan mempunyai banyak wang, kita lebih intensifykan Kempen Keselamatan Jalanraya itu, kita buat dengan bermacam-macam cara. Bukanlah dengan cara kerton tidak bergerak seperti yang kita lihat di TV Malaysia itu. Itu saya rasa adalah nilai yang paling murah untuk dikeluarkan. Kita intensifykan kempen, kita banyak duit, jadi syarikat-syarikat insuran pun kalau sudah kurang kemalangan jalanraya barangkali mereka ini dapatlah menurunkan sedikit premium excess clause dan sebagainya.

Itu tidak membebankan rakyat. Saya harap Menteri yang berkenaan akan mengambil nota di dalam hal ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.22 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.40 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

4.40 ptg.

Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar (Kuala Kangsar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong cadangan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Dewan ini. Saya menyokong cadangan itu oleh kerana ianya bertujuan untuk mengukuhkan ekonomi negara, menyusun semula masyarakat, membasmi kemiskinan dan membekalkan kewangan yang cukup untuk keselamatan negara terutamanya menentang ancaman

kominis. Walaupun Rancangan Malaysia Kedua telah mencapai kejayaan tetapi masalah kemiskinan di luar bandar belum lagi dapat diatasi dengan memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Rancangan Malaysia Ketiga akan mencapai tujuannya untuk membasmi kemiskinan terutama sekali di kalangan penduduk-penduduk di luar bandar. Usaha pembasmian kemiskinan perlu dipergiatkan kerana orang-orang miskin terlalu mudah dipengaruhi oleh dakwah kominis, keutamaan perlu diberi kepada mengadakan kemudahan asas seperti jalanraya, jambatan, bekalan letrik dan air dan segala usaha yang lain tidak akan berjaya tanpa kemudahan asas itu lebih-lebih lagi di kawasan saya di Kuala Kangsar.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita mengambil kesempatan di sini untuk memohon kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya kemudahan-kemudahan dapat diadakan untuk kemudahan penduduk-penduduk di kampung-kampung kawasan saya oleh kerana kampung-kampung itu sangat memerlukan. Selain daripada itu perkhidmatan perkembangan ekonomi di luar bandar hendaklah diberi perhatian yang istimewa di dalam Rancangan Malaysia Ketiga kerana ini dapat menyedarkan penduduk betapa pentingnya penglibatan diri mereka di dalam usaha pembangunan terutama sekali dalam kemajuan mengenai pertanian. Yang kedua, perkara yang perlu diambil perhatian ialah pengeluaran dan pemasaran. Kerajaan hendaklah mempergiatkan usaha supaya hasil pertanian mencapai mutu yang tinggi dan juga mengadakan saluran pasaran yang teratur supaya harga yang paling tinggi dapat diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hal ini saya mencadangkan supaya banyak lagi pegawai-pegawai perkembangan ekonomi yang mempunyai pengetahuan di dalam beberapa bidang termasuk tanaman, pasaran, ternakan dan sebagainya ditempatkan di kawasan luar bandar untuk memimpin para petani di dalam perusahaan mereka. Mengenai penglibatan pihak swasta di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, saya mencadangkan supaya banyak lagi kilang perusahaan dibina di dalam kawasan luar bandar supaya membangunkan kawasan-kawasan itu dengan lebih cepat lagi serta memberi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk di situ.

Saya juga tertarik hati dengan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu wang yang cukup diadakan untuk menentang ancaman kominis. Saya bersetuju ancaman kominis perlu dihapuskan dengan segera supaya rakyat di negara ini dapat menumpukan sepenuh masa kepada pembangunan dan mencapai kemakmuran di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh sedikit berkenaan dengan rumah urut. Pada pendapat saya, rumah urut itu tidak memberikan faedah kepada masyarakat kerana keuntungannya pun tidak begitu banyak dan perbuatan itu tidak begitu baik malah menambahkan maksiat lagi di dalam perkara tersebut. Di masa yang akan datang saya mencadangkan dihapuskan sahaja jika boleh, jika tidak hendaklah dinaikkan cukai kepada rumah urut itu berganda-ganda sama juga dengan minuman arak yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana dapat mengemukakan satu Belanjawan yang akan dapat memberi faedah kepada seluruh rakyat Malaysia terutama bagi mereka yang miskin.

4.46 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Belanjawan tahun 1977 yang di kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada minggu lalu.

Terlebih dahulu saya ingin menyentuh tentang penahanan enam tokoh politik di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Tiga dari mereka yang ditahan adalah Ahli Dewan Rakyat dan di antara mereka juga terdiri daripada dua orang bekas Timbalan Menteri. Kesemuanya yang ditahan terdiri daripada ahli-ahli berbagai parti politik. Oleh yang demikian, penahanan itu telah menjadi satu issue kebangsaan. Tangkapan ini telah melahirkan kegelisahan rakyat . . .

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, di sini bukan tempatnya, bukan mahkamah hendak membela seseorang yang kena tahan kerana perbahasan ini berkenaan dengan Rang Undang-undang Belanjawan, 1977. Jadi tak boleh disentuh tentang penahanan mereka itu.

Tuan Au How Cheong: Dengan ringkas sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Tak boleh!

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, Parti Gerakan mendesak bahawa Kerajaan hendaklah menerangkan dengan lebih panjang lebar tentang perkara itu dalam satu Kertas Putih (White Paper). Jika boleh, Kertas Putih itu disampaikan kepada persidangan Dewan kita sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana menyampaikan Belanjawannya yang pertama sekali. Pada keseluruhannya adalah adil dan saksama. Pada permulaan ucapan Belanjawannya, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah meramalkan bahawa tahun 1977 adalah cerah untuk Malaysia dan sebaliknya beliau telah memberi nasihat waspada pada akhir ucapannya. Dalam hal ini saya menyeru Kementerian berkenaan mengambil perhatian terhadap ramalan ekonomi negara industri Barat. Gambaran yang telah dilukiskan oleh mereka tidak begitu baik bahkan gelap. Oleh sebab ekonomi negara kita adalah ekonomi terbuka, apa yang terjadi dalam negara tersebut akan membawa kesan kepada kita, adalah untuk kepentingan diri kita, untuk memerhati kemajuan ekonomi dalam negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang cukai baru untuk timah. Cukai tokok baru yang dikenakan ke atas timah bertujuan membantu lombong-lombong marginal apabila harga timah berada di peringkat rendah. Tetapi perusahaan tersebut tidak akan dapat menikmati faedah cukai yang lebih rendah oleh sebab yang nyata iaitu harga lantai Majlis Timah Antarabangsa (I.T.C.) pada masa ini ialah \$1,100 satu pikul. Maksud itu ialah harga ini tidak akan jatuh lebih rendah daripada \$1,100 sepikul. Jika ia jatuh I.T.C. akan mengambil tindakan. Tetapi perusahaan perlombongan akan membayar cukai yang lebih tinggi dengan struktur yang baru disemak. Misalunya, berdasarkan harga sekarang iaitu sebanyak \$1,200 sepikul cukai tokok baru ialah \$74, kadar lama ialah sebanyak \$60. Jadi menunjukkan tambahan sebanyak \$14. Oleh kerana cukai tokok ini telah menjadi sumber pendapatan tambahan bagi pihak Kerajaan tetapi tujuan untuk membantu

pelombong-pelombong yang marginal tidak dapat dicapai. Perusahaan perlombongan itu telah beberapa kali meminta takat harga yang lebih tinggi dengan mengenakan cukai tokok (surcharge). Mungkin permintaannya perlu ditimbangkan dengan lebih lanjut jika kita membandingkan cukai tokok yang dikenakan atas getah dan kelapa sawit. Titik pulang modal (break-even point) yang diterima secara umum untuk kos pengeluaran getah ialah sebanyak 54 sen satu paun. Cukai tokok ini ditaksirkan apabila harga itu naik lebih daripada 26.5 sen satu paun. Jadi terdapat margin sebanyak 8.5 sen. Untuk kelapa sawit, titik pulang modal lebih kurang sebanyak \$480 satu tan dan cukai tokok ditaksir apabila harga naik menjadi \$600. Jadi terdapatnya margin sebanyak \$120. Untuk timah, titik pulang modal yang dihitong oleh Jabatan Lombong dan Jabatan Hasil Dalam Negeri ialah sebanyak \$926 satu pikul. Tetapi cukai tokok ditaksir mulai daripada \$850.

Saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri akan menimbangkan rayuan ini dan mengambil langkah untuk menaikkan takat harga ini bagi menaksirkan cukai tokok. Jika Yang Berhormat Menteri tidak bersetuju dengan angka-angka yang diberi oleh kedua-dua agensi Kerajaan saya harap beliau akan memberi angka-angka beliau sendiri mengenai kos pengeluaran timah.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh satu masaalah tempatan yang sangat penting untuk kawasan saya. Pada masa dahulu saya telah menyeru supaya Kerajaan menolong kami membina satu bandar baru bagi Telok Anson dan saya mengulangkan seruan ini di sini. Saya tidak akan berhenti-henti membuat rayuan ini sehingga suara kami dapat didengar

Bandar Telok Anson terdedah kepada hakisan (erosion) dan banjir yang kerap kali berlaku. Tiga bulan dahulu jalan yang menuju ke Wharf Station Keretapi Telok Anson telah runtuh ke dalam sungai. Bulan dahulu sebahagian jalan yang lain juga telah runtuh. Hanya terdapat satu jalan sahaja iaitu Jalan Hose yang terbuka kepada kenderaan lalu-lintas ke pusat bandar dari seluruh selatan. Oleh kerana pintu keretapi dibuka dan ditutup sebanyak 8 kali sehari, kenderaan lalu-lintas di jalan yang tertinggal dan masih boleh dipakai adalah dalam keadaan yang kacau-bilau. Pakar-pakar di

bawah Rancangan Colombo (Colombo Plan) telah membuat kajian pada tahun 1963 untuk meninjau bagaimanakah mereka dapat menyelamatkan bandar Telok Anson tetapi oleh kerana kos projek ini terlampau tinggi Kerajaan negeri ini tidak mahu menerbitkan Laporan Rancangan Colombo apa lagi melaksanakannya. Nampaknya bandar yang wujud ini tidak dapat diselamatkan. Langkah yang boleh diambil ialah membina satu bund di sekeliling bandar Telok Anson dan inipun belum dibina lagi. Jadi patutlah penduduk-penduduknya selalu hidup dalam keadaan frustration dan kemarahan. Oleh kerana ini, saya merayu kepada pihak Kerajaan supaya memberi pertolongan kewangan untuk membina suatu bandar baru. Kos pengkajian permulaan bagi bandar baru ini sudahpun terdapat dan juga telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri dan beberapa orang Yang Berhormat Menteri.

4.58 ptg.

Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk (Simunjan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1977 dan suka juga berucap sedikit menggunakan masa yang telah diberi oleh Tuan Yang di-Pertua kepada saya.

Apa yang menarik perhatian saya selama ini ialah semakin bertambahnya kuasa berpusatan (centralisation of power) telah mengakibatkan beberapa Jabatan Kerajaan menjadi besar dan memerlukan bertambah banyak bangunan-bangunan untuk menempatkan Jabatan-jabatan ini. Perkara ini telahpun dibangkitkan beberapa kali pada masa yang sudah oleh Ahli-ahli Dewan baikpun orang ramai. Jabatan yang besar dengan sendirinya tidaklah salah. Hanya dengan begitu sudah tentu diadakan perkhidmatan yang lewat dan menyusahkan rakyat yang sentiasa memerlukan perkhidmatan. Seperti Hospital Besar kita di Kuala Lumpur yang sekarang diperbesarkan lagi. Kerana negara kita kekurangan orang-orang mahir dalam pengurusan hospital yang besar ini, nanti susah diaturnya dan mungkin merendahkan mutu perkhidmatan. Lagi pun dengan besarnya hospital ini, tentu dilengkapi dengan alat-alat yang modern yang kurang kakitangan negara kita ini yang mahir menggunakannya. Pusat hospital seperti ini terus dengan kelengkapannya yang

menelan belanja berjuta-juta ringgit. Sebenarnya wang yang dibelanjakan ini cukup untuk memperuntukkan Kuala Lumpur menjadi sebagai sebuah pusat penyelidikan antarabangsa. Yang menjadi soal ialah adakah ke arah itu kita menjalankan supaya negara kita modern, lesen penyelidikan perubatan atau untuk menentukan perkhidmatan perubatan diadakan kepada semua penduduk-penduduk negara.

Dalam pandangan saya, perkhidmatan yang baik yang kita beri kepada penduduk-penduduk di luar bandar adalah mustahak. Mereka ini tidaklah memerlukan penyelidikan yang mendalam. Mereka menggunakan ubat cacing, sakit perut, demam, pening kepala dan sebagainya. Tidak ada gunanya pusat hospital yang besar yang mungkin tidak menjamin mutu perkhidmatan yang baik. Saya merayu kepada Kerajaan supaya dicentralisekan perkhidmatannya dan terus membina pusat-pusat ubat di tiap-tiap daerah dan bandar kecil dan di situ ditempatkan seorang doktor atau dresser yang terlatih dan modern serta mengadakan bekalan air ke kawasan-kawasan yang tidak ada bekalan air. Bilangan besar penduduk-penduduk di kawasan tepi laut di seluruh negara ini yang memerlukan perkhidmatan perubatan dan bekalan air seperti ini. Begitu juga perkhidmatan Kerajaan seperti pendaftaran, beranak dan mati dan lain-lain di tiap-tiap daerah dan kampung yang besar di pendalaman patut diadakan satu ejen atau pegawai supaya mendaftar bayi-bayi yang lahir dan kematian yang berlaku dengan cekapnya. Lebih elok lagi jika seorang ejen atau pegawai itu anak tempatan di situ juga supaya tidak berlaku salah huruf digunakan apabila mendaftar bayi-bayi seperti yang biasa telah berlaku. Sebab bila telah salah huruf, nama anak itu terpaksa menjadi dua atau tiga. Hanya dengan satu huruf yang salah pada mulanya, nama anak itu daftarkan. Perkara ini berlaku sebenarnya kerana ada berlainan suara nama atau pronunciation kerana ada tempat dan di antara kumpulan bahasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon beberapa perkhidmatan Kerajaan dicentralisekan lebih lagi, kerana seperti yang diadakan sekarang kemudahan-kemudahan dan pejabat-pejabat Kerajaan dalam bandar sahaja bahkan bukan semua rakyat tinggal di bandar. Begitu ramai rakyat yang tinggal

di kampung-kampung yang jauh di pedalaman, mereka ini memerlukan perkhidmatan Kerajaan juga tetapi kerana susah hendak pergi jauh dan menggunakan wang hendak pergi ke situ, terpaksa ada rasa jauh di antara Kerajaan dan rakyat. Kerajaan Barisan Nasional iaitu Kerajaan rakyat patut menukarkan cara dan membawa Kerajaan kepada rakyat. Di tiap-tiap daerah diadakan pejabat dan kampung-kampung kecil, pegawai-pegawai digesa melawat dan memberi nasihat kepada penduduknya. Bila sudah ada demikian, rakyat tidak lagi rasa ketinggalan dan Kerajaan Barisan Nasional kita ini akan terus kekal dan maju.

Sentimen-sentimen dan kehendak-kehendak orang kampung patut jangan dibiarkan sahaja. Sepatutnya sentimen ini, seperti alasan, pandangan balas dan dengan itu kita dapat memahami rakyat dan kehendaknya serta rancangan, sikap dan dasar Kerajaan berasaskan kepada pandangan rakyat ini. Begitu juga negara kita dapat kekal dalam aman dan damai sentiasa dalam perpaduan.

5.08 ptg.

Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail (Rantau Panjang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu dua perkara dalam perbahasan Belanjawan 1977 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada beberapa hari yang lalu, yang mana pada pendapat saya Belanjawan pada tahun depan amatlah menasabah dan kena pada masanya iaitu golongan yang berpendapatan rendah tidaklah sebegitu terhimpit dengan cukai-cukai baharu yang akan dikenakan nanti. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan juga pegawai-pegawai yang terlibat dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan negara pada tahun 1977 adalah bertujuan mempercepat pencapaian matlamat-matlamat Rancangan Malaysia Ketiga dan objektif-objektif sosio-ekonomi dalam konteks keselamatan nasional. Sepertimana yang sama-sama kita maklum satu daripada matlamat Rancangan Malaysia Ketiga ialah penyusunan semula masyarakat dalam erti kata yang luas.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini suka saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini iaitu pada hemat saya bahawa penyusunan semula masyarakat tidak akan berjaya kalau kita tidak ikut langkah-langkah yang telah diambil oleh orang-orang yang telah bertamadun dahulu kala iaitu ada tiga langkah yang penting yang perlu diambil perhatian oleh Kerajaan. Yang pertama, keadaan lahir manusia tidak akan dapat diubah sebelum dapat diubah batinnya atau pemikirannya. Dengan sebab itu, kita dapat melihat bahawa banyak rancangan-rancangan yang amat baik yang telah dirancang oleh Kerajaan untuk kaum bumiputra seperti MARA, UDA, L.P.P. dan sebagainya tetapi tidak banyak kemajuan yang dapat dicapai. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, banyak kaum bumiputra yang membuat pinjaman wang daripada MARA umpamanya, tetapi pinjaman itu tidaklah benar-benar untuk mengubah taraf hidup mereka, malah untuk bermewah-mewah semata-mata. Dengan sebab itu, mereka gagal untuk membayar balik, ini adalah disebabkan batinnya atau pemikirannya belum berubah.

Yang kedua, masyarakat akan dapat dibaiki setelah anggota masyarakat itu dibaiki lebih dahulu. Ini bererti mustahil wujudnya satu masyarakat yang padu lagi harmonis kalau setiap individu tidak diasuh dan diajar dengan akhlak bersopan santun yang mulia. Memandangkan keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, amatlah mendukacitakan kita apabila kita lihat setengah-setengah daripada muda mudi kita sekarang ini sehingga kita kesamaran di antara lelaki dan perempuan. Oleh yang demikian, saya menyeru Kerajaan supaya menyegerakan Undang-undang Akhlak yang telah lama diura-urakan oleh Kerajaan supaya ianya menjadi kenyataan kerana semata-mata dakwah tidak akan berkesan sepenuhnya apabila tidak diguna dengan satu cara yang tegas secara undang-undang.

Yang ketiga, membina dari bawah dan membaiki dari atas. Ini bererti kalau kita hanya menyeru orang bawahan sahaja berakhlak mulia, sedangkan orang-orang atasan bermaharajalela dengan rasuah, minum arak, judi dan sebagainya maka cita-cita Kerajaan hendak menyusun semula masyarakat tidak akan berjaya.

Menyentuh dengan rasuah, Tuan Yang di-Pertua, adalah ianya satu penyakit masyarakat yang amat merbahaya, terutamanya dalam negara yang sedang membangun seperti negara kita ini yang mana kiranya terdapat amalan rasuah, maka projek-projek raksaksa yang disusun oleh Kerajaan akan menjadi purak-puranda. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru Kerajaan supaya bertindak tegas ke atas siapa sahaja terlibat dalam hal ini dengan tidak mengira apa pangkatnya dan kedudukannya. Dalam Hadis Nabi menggunakan perkataan "Laknat" ke atas orang-orang yang melakukan rasuah samada yang memberi atau yang menerima. Yang mana perkataan "Laknat" ini tidak digunakan melainkan kepada perkara-perkara maksiat yang besar. Pada hari ini, kita selalu kedengaran yang kena hukum ialah orang yang menerima rasuah, jarang kedengaran orang memberi kena hukum, walhal dari segi dosanya adalah sama.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini ada satu perkara lagi iaitu apa yang dikatakan hadiah-hadiah kepada orang-orang yang tertentu atau kepada orang yang berkuasa. Kerana hadiah-hadiah ini kadang-kadang ia berupa rasuah yang bertukar nama dengan hadiah, yang mana pada hakikatnya ialah rasuah. Memanglah perkara ini satu perkara yang sukar untuk diawasi tetapi soal rasuah bertopengkan dengan hadiah ini patutlah juga dimasukkan di dalam Akta Rasuah. Dan saya fikir pihak Kerajaan yang bijaksana tentulah dapat menyusun satu cara yang boleh menentukan di antara hadiah rasuah dengan hadiah yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sekarang sedang diancam oleh kominis dari luar dan dari dalam. Ini adalah suatu hakikat yang tidak dapat dinafikan, mungkin inilah sebab utama pada pendapat saya pelabur-pelabur asing tidak begitu tertarik untuk melaburkan modalnya di negara kita ini. Dalam hubungan ini, saya berpendapat hendaklah seboleh-bolehnya kita meyakinkan kepada negara-negara luar terutamanya negara-negara di Asia Barat bahawa kita berupaya menjaga negara ini daripada ancaman jahat kominis. Dan hendaklah kita bersikap tegas dalam hal ini, tidak ada tolak ansur semua sekali, dan juga hendaklah kita meyakinkan negara-negara luar dan kepada seluruh

anggota masyarakat bahawa pemimpin-pemimpin di negara ini bersih daripada diserapi oleh fahaman kominis. Kiranya terdapat di antara pemimpin-pemimpin di negara ini terlibat di dalam kegiatan kominis maka Kerajaan tidak teragak-agak untuk bertindak, tindakan yang tegas yang diambil oleh Kerajaan dalam hal ini sudah tentu dapat sokongan dan restu dari seluruh rakyat yang bertanggungjawab di negara ini terutamanya di kalangan umat yang beragama Islam. Kerana kominis adalah bertentangan sama sekali dengan Islam dari segi amalan dan falsafahnya. Komini dengan terang-terang mengatakan ugama adalah candu kepada kemajuan rakyat. Pertentangan Islam dengan kominis adalah sesuatu pertentangan tidak dapat disatukan semua sekali ibarat putih dengan hitam. Kalau ada orang mengatakan apalah salahnya kita menyusun masyarakat di negara ini dengan sistem kominis, manakala dalam soal hubungan individu dengan Allah kita ikut cara Islam.

Tuan Yang di-Pertua, hujjah seperti ini telah lama digunakan oleh orang-orang kominis sejak dahulu lagi. Mereka berkata kepada orang-orang Islam bahawa kominis tidaklah sama sekali bertentangan dengan Islam kerana ianya hanya semata-mata sistem keadilan sosial. Apakah Islam tidak bersetuju dengan keadilan sosial sedangkan mengikut sejarah bangsa-bangsa di dunia ini Islamlah mula-mula menganjurkan keadilan sosial dalam kehidupan ini manakala kamu bebas bersembahyang, puasa, zikir dan sebagainya?

Tuan Yang di-Pertua, hujjah seperti ini amatlah tidak benar dan tidak dapat diterima kerana Islam itu satu ugama yang merangkumi segenap aspek hidup dari segi keduniaan dan keakhiratan, kedua-duanya sekali. Sebarang pemisahan antara keduanya itu maka dengan sendirinya akan menghancurkan Islam itu sendiri kerana di waktu seseorang itu mengambil sistem hidup secara kominis umpamanya, maka berarti ia menolak sistem hidup secara Islam maka orang seperti ini dinamakan orang yang beriman dengan setengah kitab dan kufur dengan setegah kitab maka tidak ada balasannya, kecuali kehinaan di dunia dan di akhirat.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham apa yang dimaksudkan oleh golongan ini ialah samada mereka tahu atau mereka tidak tahu

hakikat Islam itu dengan sebenarnya atau mengandungi tektik-tektik yang halus untuk melemahkan Islam, kemudian mereka akan mengeksploitasikan keadaan itu bagi mengugut kepercayaan orang Islam. Oleh yang demikian, saya menyeru Kerajaan supaya mengambil langkah-langkah yang positif dalam mengembangkan fahaman Islam yang sebenar kepada seluruh negara mulai daripada bandar-bandar sehinggalah ke kawasan-kawasan pendalaman yang jauh dan kepada golongan atasan sehinggalah kepada golongan bawahan dengan cara:

- (1) mengadakan penyusunan kerja yang lengkap dan rapi;
- (2) mengadakan peruntukan yang secukupnya; dan
- (3) menambahkan lagi masa bagi rancangan-rancangan pendidikan Islam di radio dan talivisyen.

Kerana kalau kita telah membelanjakan wang yang sebegitu besar dalam cawangan yang lain seperti tentera, polis dan lain-lainnya dalam menghadapi komunis, maka tidak ada sebab kenapa tidak boleh mengadakan peruntukan yang besar juga dalam mengembangkan fahaman Islam ini lantaran ianya juga merupakan alat ketahanan nasional bagi menghadapi cabaran komunis di samping mendapat keredaan Illahi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan kerana langkah-langkah perikemanusiaan yang telah diambil terhadap orang-orang pelarian Vietnam dan Kam-bodia, lebih-lebih lagi kerana sebahagian besarnya terdiri daripada orang-orang Islam sendiri dan saya berharap supaya Kerajaan menambahkan bantuan kepada mereka itu dan berikhtiar langkah-langkah supaya mereka itu boleh memulakan kehidupan sendiri dan menolongnya mencari sara hidup sendiri supaya tidaklah selama-lamanya Kerajaan menanggung sara hidupnya. Walau bagaimanapun saya ingin mengingatkan Kerajaan supaya berhati-hati dan berjaga-jaga terhadap orang-orang pelarian yang berada di negara ini, takut-takut ada di antara mereka yang menjadi agen-agen komunis yang mencari peluang untuk melakukan kerja-kerja sabversif dan kekacauan sepertimana yang telah berlaku kekacauan di salah sebuah universiti di Bangkok baru-baru ini yang mana punca kekacauan itu dilakukan oleh orang luar iaitu dari kalangan

orang-orang pelarian. Maka sekali lagi saya menyeru Kerajaan supaya kejadian seumpama itu tidak berlaku di negara kita ini.

Pada akhirnya sekali lagi saya menyokong penuh Belanjawan Negara 1977.

5.27 *pig.*

Tuan Ngan Siong Hing (Kinta): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyentuh sedikit di atas Ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, ketika Perdana Menteri menjadi Menteri Kewangan, beliau juga ada membuat ucapan belanjawan yang pertama (*maiden speech*) dan sekarang Yang Berhormat Menteri Kewangan telah juga membuat ucapan yang pertama, semuanya dalam satu tempoh yang singkat selama dua tahun sahaja. Saya ingin tahu berapa ramai-kah lagi *maiden* Menteri-menteri Kewangan akan ada?

Tuan Yang di-Pertua: *Maiden* apa?

Tuan Ngan Siong Hing: *Maiden Finance Ministers.*

Tuan Yang di-Pertua: Berapa lagi *maiden Finance Minister*, bukan *maiden speech*?

Tuan Ngan Siong Hing: *Maiden Finance Ministers.* Seperti orang-orang yang terdahulu darinya, Menteri Kewangan telah membuat rojokan kepada ancaman komunis. Saya kenangkan apakah sebenarnya berlaku di dalam negeri ini. Kadangkala bila saya membaca akhbar di pagi hari, saya ternampak satu gambaran bahawa beberapa *batallion* *pengganas-pengganas* komunis sedang keluar dari hutan belantara dan sedang mengepong bandar-bandar. Kemudian pada pagi keesokannya, kita akan mendengar beberapa orang Menteri kanan berkata: semuanya terkawal (*everything is under control*).

Tuan Yang di-Pertua, rakyat sekarang sedang keliru. Mereka membaca apa yang telah dibenarkan keluar oleh Kerajaan. Mereka tidak langsung tahu-menahu apa yang sebenarnya sedang berlaku. Ini adalah trend yang paling bahaya bagi politik Malaysia. Masaalah komunis telah digunakan sebagai satu senjata politik oleh mereka

yang berkuasa untuk menghapuskan musuh-musuh mereka yang berkuasa dan penentang-penantang dalam politik. Adakah nilai dan mutu politik Malaysia telah turun hingga ke peringkat yang begitu rendah sekali? Saya percaya, Kerajaan adalah bersalah menyuntik perasaan takut ke dalam fikiran rakyat. Ini adalah satu penipuan politik (political blackmail). Kerajaan selalu berkata bahawa yang menentang keganasan sebagai satu cara untuk mencapai kuasa politik.

Saya ingin tahu adakah fahaman komunisma seharusnya mempunyai kaitan dengan keganasan. Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu tidak. Adakah Kerajaan akan ditentang oleh fahaman komunisma kiranya ia cuba mencapai kuasa menurut kedaulatan undang-undang dan bukan laras senapang. Sebagai contohnya negeri Chile rakyat telah mengundi seorang prize Marxist sebagai satu penghargaan menduduki kuasa bagi seorang yang bernama President Allende. Kiranya keadaan yang sama timbul di Malaysia adakah Kerajaan akan mengiktiraf sebuah Kerajaan fahaman Marxist demokratik yang dilantik. Kiranya tidak, mengapa tidak. Mungkin C.I.A. tidak akan membenarkan, saya percaya. Seseorang itu mungkin akan pergi lebih jauh dan bertanya ke manakah Kerajaan sekarang. Di sini pun tidak, di sana pun tidak. Kiranya perkataan itu demokrasi, Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang ingin tahu apakah demokrasi ini. Di manakah demokrasi seperti apa yang diamalkan oleh Kerajaan sekarang yang memberikan kuasa-kuasa yang tidak terhad kepada hanya beberapa orang atau dalam bahasa Inggeris oligarchy. Kiranya pemimpin-pemimpin Pembangkang seperti kita di D.A.P. menjadi sasaran hawa nafsu politik orang lain, saya ingin tahu di manakah demokrasi. Tuan Yang di-Pertua, tidak ada demokrasi. Kiranya ada pun adakah sebarang perbezaan di antara demokrasi jenis ini dan fahaman komunisma. Di sebuah negara yang mengamalkan kedaulatan undang-undang, sangatlah malang bahawa sebahagian besar darinya telah dicabuli dan disingkirkan. Sistem politik seperti ini tidak akan tahan lama. Hanya satu, mungkin semua kami dalam D.A.P. akan masuk ke dalam. Tetapi Kerajaan tidak akan terdaya menahan dugaan masa dan penganalisan sejarah. Apa yang kami dalam D.A.P.

mahukan ialah sebuah Kerajaan yang bersih, jujur dan cekap. Sudah menjadi pendapat kami yang telah dikaji bahawa ini langsung tidak ada. Sudah cukup, Tuan Yang di-Pertua, masalah dan scandal di kalangan pucuk pimpinan tinggi Kerajaan untuk menjatuhkan Kerajaan di dalam pilihanraya, kiranya Kerajaan tidak menggubal undang-undang yang cukup untuk mengekalkan kedudukannya.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu banyak telah diperkatakan mengenai rasuah di beberapa lapangan kegiatan awam. Sekarang ianya telah menjaral ke tulang dan daging Angkatan Bersenjata. Ini adalah satu perkembangan yang merunsingkan. Adalah sangat-sangat tidak adil bagi rakyat dan negara ini terdapat scandal SPICA-M. Satu keputusan yang paling tidak bertanggungjawab. Terdapat scandal Northrop F5E. Bila Perdana Menteri menjawab soalan saya April yang lalu sekali lagi beliau telah berdolak-dalik. Beliau berkata Kerajaan akan meminta lapuran dari Jawatankuasa Kongres Amerika yang ditubuhkan untuk menyiasat hal Northrop itu. Bila saya ingin tahu samada Kerajaan telah menerima atau tidak lapuran itu minggu lalu, Timbalan Menteri menjawab: ia masih belum menerimanya. Dalam scandal antarabangsa yang besar seperti ini Kerajaan sepatutnya memberi perhatian berat. Tidak cukup dengan menyatakan bahawa penyiasatan sedang berjalan. Kerajaan mestilah bertindak lebih mara lagi. Terdapat scandal kereta perisai Panhard. Para tentera tahu bahawa kereta-kereta perisai ini tidak sesuai untuk digunakan di Malaysia. Tetapi walau bagaimanapun, ianya dibeli. Dalam semua scandal ini kita ada dapat tahu—kita di D.A.P. ada mendapat tahu beberapa orang ahli politik yang bersangkutan dengan perniagaan ada terlibat. Beberapa orang dari mereka adalah pembuat dasar di dalam cawangan angkatan tentera masing-masing. Lagi pun beberapa orang darinya kakitangan tinggi awam yang rasuah. Kita tahu satu dua nama dan tidak berapa lama lagi kita akan bongkar nama-nama orang itu. Kerajaan mestilah bertindak supaya mereka tidak terlepas tanpa dihukum. Pembayar cukai telah dibohongi. Pembayar cukai yang malang hanya mendapat \$60 kelepasan cukai yang ajaib itu sedangkan yang lain kira-kira

bank asing mereka tolong buka dengan cukup wang untuk hidup beberapa jenerasi lagi. Inilah scandal.

Para pekerja di seluruh Malaysia, para pekerja kilang telah hanya menderita dalam beberapa tahun yang lalu. Dalam lapangan ekonomi mereka adalah api dalam negara hari ini. Dalam tempoh turun-naiknya ekonomi dalam masa tiga tahun yang lalu mereka yang paling teruk sekali. Malangnya Menteri Buruh hari ini tidak ada di sini. Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat hanya bertindak seperti melepas batuk di tangga sahaja mengenai nasib dan penderitaan mereka. Kalaulah Menteri itu betul-betul berniat hendak menolong para pekerja kilang yang diberi gaji tidak seimbang dengan tugas mereka, beliau sepatutnya mengambil langkah yang serta-merta untuk mengkaji semula undang-undang buruh. Ini adalah mustahak.

Pada masa ini di bawah peruntukan Ordinan Kesatuan Sekerja, para pekerja mempunyai hak yang terhad. Sungguhpun terdapat hak mogok ada beberapa hak yang jelas tidak memberi faedah. Ini adalah bertentangan dengan kepentingan pekerja-pekerja seluruhnya. Saya tidak berkata bahawa kesatuan-kesatuan mesti mogok mengenai setiap perkara—tidak. Ianya mesti digunakan mengikut masa yang menasabah bagi sesuatu sebab yang baik. Banyak kesatuan yang baru dalam menjalankan hak-hak mereka untuk mogok telah menjadi sasaran majikan yang tidak bertanggungjawab. Pemimpin mereka telah dibuang kerja. Keseluruhan proses peraturan seperti yang diperuntukkan di bawah undang-undang perhubungan perusahaan tidak memberi erti apa-apa. Kadangkala para majikan mengambil kesempatan ini dan bertindak langsung bertentangan dengan undang-undang. Dalam hal pencabulan oleh majikan ini para pekerja dan kesatuan sekerja telah dibebankan dengan keadaan yang serba salah. Dalam sebuah kilang kain di Ipoh, majikan sengaja membuang pekerja-pekerja kerana mereka telah menubuhkan sebuah union. Di samping hal-hal lain yang mungkin timbul dari masa ke semasa, Kesatuan Sekerja dan para pekerja sangat runsing mengenai gaji; cuti bersalin, had hari kelepasan am dan hak untuk memasuki Kesatuan Sekerja. Ada kilang-kilang di Ipoh yang membayar \$1.70 satu hari bagi 8 jam kerja sehari. Ada Elaun Bantuan

Khas sementara sebanyak 50 sen sahaja dan kenaikan gaji sebanyak 10 sen satu tahun. Ini berlaku di Ipoh dan ada juga berlaku di Kuala Lumpur. Saya tahu ada lain-lain kilang yang termasuk dalam kumpulan ini.

Adalah menjadi kewajipan Menteri untuk melihat supaya para pekerja dalam negeri ini tidak dianggap seperti hamba abdi seperti apa yang berlaku kepada orang-orang kulit hitam yang dilayan oleh orang-orang kulit Putih di Afrika Selatan. Menteri yang berkenaan mungkin sedang mengelamun mimpi manis kiranya beliau fikir para pekerja dalam negeri ini gembira dengan dasar beliau.

Yang sebenarnya, ialah Kesatuan Sekerja dan para pekerja mempunyai sedikit sahaja ikhtiar. Kadangkala terlampau banyak undang-undang yang menegah, menghalang dan menyekat yang sedang berkuasanya sedia untuk digunakan terhadap Kesatuan Sekerja dan para pekerja. Kerajaan mestilah mengubahsuaikan undang-undang itu untuk memberi lebih jalan bagi Kesatuan Sekerja dan para pekerja, kemudian baharulah Menteri itu akan dapat melihat di mana beliau berdiri dan apakah nilainya. Menteri Buruh tidak ada berbuat apa-apa pun untuk memperbaharui gerakan buruh atau memberikan lebih hak kepada pekerja-pekerja. Beliau sebaliknya telah berbuat semua untuk menghapuskan mereka. Disebabkan beribu-ribu pekerja di seluruh Malaysia hidup di bawah garis kemiskinan (below the poverty line) walaupun mengikut piagam Malaysia, mengikut piagam Malaysia bukan negeri barat. Saya menyeru Kerajaan yang terutama Menteri Buruh melantik sebuah suruhanjaya penyiasatan DiRaja mengenai structure gaji jenis-jenis yang berbeza pada pekerja kilang. Jika tidak, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru Menteri Buruh supaya meletakkan jawatan. Inilah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya.

5.42 ptg.

Tuan Azaharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan yang telah membentangkan Belanjawan 1977 dengan bijak dan tegas. Begitu juga beliau tidak lupa tempat kesandarannya dari bekas Menteri Kewangan yang lalu iaitu Yang Berhormat Tun Tan

Siew Sin dan Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri sebagai pembentuk asas ekonomi yang berpengalaman.

Tuan Yang di-Pertua, inilah kali yang pertama di hala pembacaan Belanjawan TV Malaysia menyiarkan terus menerus ke seluruh negara. Apabila saya tinjau penduduk-penduduk di kawasan saya, mereka berpuas hati dan seolah-olah berada di dalam Dewan yang mulia ini. Saya juga mengucapkan syabas kepada Menteri Kewangan yang telah menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya dalam ucapan Belanjawan seluruhnya itu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjamin keutuhan dan keteguhan ekonomi negara adalah terletak di atas keselamatan negara kita yang terjamin. Ancaman komunis adalah satu-satu batu penghalang kepada pembangunan negara kita. Komunis berlumba-lumba hendak menguasai negara kita. Di dalam negara ini pula, terdapat berbagai pasukannya pula, ada pertubuhan guerilla hutannya, guerilla bandarnya, pasukan bawah tanah ataupun pasukan persediaan dan di akhir ini penangkapan dilakukan kepada komunis terhormat juga dan mungkin juga beberapa ramai lagi akan ditahan.

Tuan Yang di-Pertua, komunis ada berbagai-bagai jenis. Komunis Russia, Komunis Peking, Komunis Yugoslavia, Komunis Vietnam Utara, Komunis Korea Utara. Masing-masing menjalankan teknik untuk menawan hati rakyat Malaysia bagi menerima ideologi komunis. Mereka menggunakan ugama juga wal-hal ugama itu adalah dianggap oleh komunis sebagai abu-abu sahaja. Dengan yang demikian diharap Kerajaan bukan sahaja untuk mengesan komunis ala-Peking, atau Komunis Ala-Russia itu tetapi juga ejen-ejen komunis ala-Yugoslavia, Korea Utara dan Vietnam Utara. Sekurang-kurangnya lima sistem komunis ini mestilah kita awasi kerana tujuannya sama sahaja iaitu yang pertama anti-ugama, yang kedua anti-Raja. Bagi kita di Malaysia kedua-dua institusi ini iaitu ugama Islam sebagai ugama negara dan Raja itu adalah payong rakyat maka sebarang usaha pihak komunis hendak bertapak mestilah dihapuskan seperti kata pepatah; biar puteh tulang jangan puteh mata, untuk mempertahankan kedua-dua itu. Sebarang peperangan menentang komunis dianggap sebagai perang jihad, oleh kerana komunis anti-ugama, maka seluruh

alim ulama negara ini hendaklah terang-terang mengutuk gerakan anasir komunis seperti yang dibuat oleh alim ulama di Indonesia. Saya berharap kepada alim ulama di negara kita ini janganlah menanti komunis bertapak lebih dahulu di bumi Malaysia, baharu kita hendak bertindak. Ini sudah terlambat nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri begitu bijak, cekap dan berdoa agar keselamatan dan kesihatan beliau dilindungi Allah hendaknya. Begitu juga kepada pegawai dan pasukan keselamatan dan tentera kita menjalankan tugas dengan tenang dan yakin. Kepada Tan Sri Ketua Polis Negara yang begitu muda, baru-baru ini telah masuk ke Hospital Besar Kuala Lumpur kerana sakit. Ini disebabkan terlampau banyak kerjanya, maka dengan doa rakyat yang cintakan keamanan dan percaya kepada Tuhan, maka beliau telah pulih sedia kala.

Tuan Yang di-Pertua, Islam sebagai ugama rasmi negara ini yang percaya akan Allah maka moleklah hukuman Tuhan itu kita patuhi supaya mendapat keredhaannya semata-mata. Saya berharap kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri supaya pakaian Polis Wanita, skirt yang ada sekarang ini masih menampakkan urat betis dan peha patutlah diubah. Kalaulah zaman penjajah dahulu polis lelaki memakai seluar pendek dan apakala kita telah merdeka, seluar pendek ditukarkan kepada seluar panjang. Maka tidakkah boleh

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, mereka ada memakai stocking panjang.

Tuan Azaharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Stocking panjang, Tuan Yang di-Pertua, menampakkan lagi kulitnya, maka tidakkah boleh Polis Wanita kita dipakaikan uniform yang berseluar panjang, yang direka bentuk sesuai dengan tugas mereka dan pada pandangan mata kitapun manis menjadi satu kesopanan ketimuran selaras pula dengan ugama Islam sebagai ugama rasmi negara. Ini adalah menunjukkan kepada negara-negara luar pula bahawa ugama Islam adalah ugama rasmi maka kesopanan pakaian ini mestilah kita jelaskan kepada pelawat-pelawat yang tersebut.

Uniform ini juga terlibat dengan Kementerian Pertahanan iaitu Pasukan Sukarelatanya: sukarelati darat, laut dan udara. Pendedahan aurat dapat diatasi dan mendapat perhatian yang sungguh-sungguh dari Kementerian yang berkenaan hendakny.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh mengenai Kementerian Kesihatan pula iaitu pakaian jururawat. Seperti gown putih, tidakkah boleh ditukarkan kepada seluar panjang, bell bottom, maxi atau reka-bentuk yang sesuai dengan ala-ketimuran. Begitu juga surau-surau hendaklah didirikan di tiap-tiap hospital dalam negara kita bagi kemudahan pekerja-pekerja Islam dan keluarga-keluarga pesakit atau pelawat-pelawat pesakit itu, pesakit-pesakit luar ataupun pesakit-pesakit yang boleh menunaikan fardhu sembahyangnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita maklum di dalam Dewan ini telah diterangkan oleh Menteri Kesihatan pada 4hb November, 1976 semasa soal jawab bahawa bilangan wanita bumiputra menjawat jawatan Ketua Jururawat terlalu kurang iaitu 72 bumiputra, 100 India, 352 orang China. Sebagaimana yang difahamkan bahawa kelayakan bagi seorang Jururawat untuk memohon menjadi Ketua Jururawat ialah 6 tahun bekerja sebagai Jururawat dahulu. Mengapakah masih lagi bilangan Ketua Jururawat Melayu bilangannya sedikit? Kalaulah Yang Berhormat Menteri selidiki perkara ini, Yang Berhormat Menteri akan dapat ketahui banyak Jururawat Melayu yang sudah berkhidmat 10 tahun tidak dinaikkan pangkat kepada Ketua Jururawat itu. Bila pergi interview, sengaja mereka digagalkan oleh pegawai interview, kerana banyak sebab-sebab yang disengajakan oleh pegawai-pegawai temuduga ini. Jadi bagaimanakah hendak ada banyak Ketua Jururawat bumiputra?

Pertimbangan yang terlalu jauh ini patut sangat disegerakan supaya orang-orang Bumiputra tidak terlalu merosot dan memalukan lebih-lebih lagi perasaan sensitif rakyat yang berbilang kaum itu tidak berlaku lagi dan bagi mengelakkan hal ini sekali lagi diharapkan penyegeraan dilaksanakan dengan secepat mungkin. Begitu juga Pegawai Perubatan masih jauh kurangnya daripada kaum-kaum lain-lain. Pegawai Pentadbir Hospital terlalu kurang bilangannya pendeknya peringkat atasan siling-siling

di Kementerian Kesihatan ini semuanya kaum lain, tetapi Alhamdulillah Penolong Jururawat telah banyak diambil. Saya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Menteri yang berkenaan bahawa bilangan Penolong-penolong Jururawat ini telah ramai daripada kaum Bumiputra ini.

Daripada penuntut-penuntut sekolah menengah aliran Melayu pun diterima yang berkelulusan SPM tetapi malangnya tenaga pengajar adalah terdiri daripada Doktor, Matron, Sister yang bukan Melayu yang tidak boleh menguasai dalam Bahasa Malaysia yang baik. Mereka mengajar dalam bahasa Inggeris, sudah tentulah mereka tidak boleh menerima pelajaran dengan begitu lancar dan tepat. Kegagalan dalam peperiksaan tidak menghairankan tetapi malangnya inilah satu daripada perkara yang mendukacitakan. Kita boleh katakan ini satu perkara sabotaj yang tidak secara langsung. Saya syorkan kalau Kementerian Kesihatan boleh meminjam doktor dari Indonesia untuk bertugas di hospital mengapa pula doktor-doktor tenaga pengajar Juru Pelatih ini tidak boleh kita pinjamkan dari sana supaya ajaran dapat diterima dengan faham dan memuaskan keputusan peperiksaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Kementerian Undang-undang saya hendak bercakap tentang dadah. Perkara dadah ini telah banyak kali dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Pendeknya tiap-tiap kali ada persidangan maka dadah ini juga dibangkitkan. Saya tidak tahu apakah tugas Biro Narkotik kita. Biro Narkotik telah diwujudkan oleh Kementerian Undang-undang, tetapi bukan sahaja meredakan bahkan makin bertambah ramai penagih-penagih dadah. Pendeknya, kuatkuasa undang-undang memberi hukuman yang berat kepada pengedar dadah tetapi dadah makin berleluasa, PEMADAM ditubuhkan di seluruh negara tetapi keadaan bertambah teruk lagi bukan bertambah padam. Sebagaimana kita maklum selain daripada kominis, maka dadah adalah satu daripada musuh negara yang paling bahaya oleh kerana penagih dadah ini melumpuhkan tenaga fikiran rakyat. Kepada mereka ini tidak boleh memikirkan bagaimana hendak membela politik tanahair, membela maruah negara dan melaksanakan perintah Tuhan maka pihak kominis tidak ragu-ragu

lagi menawan negara kita tanpa menggunakan senjata yang cukup. Lihat apa yang telah terjadi di Vietnam, tentera Amerika gulung tikar bantal. Saya ingin bertanya kepada Menteri Undang-undang apakah tugas Biro Narkotik yang penting bagi mengurangkan penagih dadah, pengedar dadah ini. Saya rasa moleklah Kementerian yang berkenaan meneliti dalam hal ini secara serious, kalau dapat ditambah lagi peruntukan kewangannya dengan meramai-kan pegawai-pegawai dan kakitangannya bagi mengawal, menyiasat dan menghapuskan penagih dan pengedaran dadah.

Tuan Yang di-Pertua, kerana kita anggap Biro ini juga satu pasukan tentera atau pasukan Polis bagi menghapuskannya kerana pihak komunis menggunakan dadah sebagai senjata sebagaimana di Vietnam, di Laos dan di Kemboja. Saya percaya dengan cara yang demikian beratus-ratus ribu pemuda-pemuda kita telah diresapi oleh ketagihan dadah dan bilangan yang besar penagih dadah ini iaitu 75% kepada belia-belia Melayu. Penagih-penagih dadah ini apabila ditangkap hendaklah dirotan, dihukum rotan dahulu dan jangan dilepaskan atau dijamin (bail) kerana mereka akan melakukan kerja demikian lagi. Saya percaya penagih dadah ini akan berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit tentang Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Usaha Kerajaan hendak meninggikan taraf perdagangan di negara kita ini, di sebalik itu Kerajaan hendaklah menitikberatkan untuk ketinggian kerohanian masyarakat negara kita untuk membenteraskan fikiran supaya bersopan terutamanya yang menjual dagangan mereka dengan gambar lucuh dan bogel dan separuh bogel. Seperti iklan seluar Levi's, Lee, Texwood, Madrid, Amco, Melbourne, Hara dan berbagai-bagai lagi. Begitu juga baju Orlando, Spaceman, Le Man dan sebagainya, mereka ini menjual dengan menunjukkan iklan-iklan membuka dada, berdakap dan sebagainya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada tengok gambar-gambar ini semua?

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Ada, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*) saya sendiri tengok. Selain daripada dipamerkan seperti di kedai-kedai menjual

baju ini maka dihadiahkan pula sehelai gambar bagi sehelai seluar atau sehelai baju untuk ditampal di bilik-bilik tidur mereka (*Ketawa*). Sekatan dan pengharaman patutlah dilakukan kepada gambar-gambar yang kurang sopan itu dengan mengarahkan pegawai-pegawai penguatkuasa di Kementerian yang berkenaan menyiasatnya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, kuasa letrik patut sangat disegerakan di kawasan luar bandar yang telah meragut, bukan meragut, merungut, Tuan Yang di-Pertua, semenjak 20 tahun yang lalu lagi sejak Kerajaan kita telah mencapai kemerdekaan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya ingat sudah meragut nyawa tadi. (*Ketawa*).

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Hampir meragut nyawa. Ada kampung-kampung yang masih pakai lampu-lampu minyak gas, kami wakil rakyat di tempat mereka mengeluarkan kata-kata ini ditujukan kepada Kerajaan. Pemberian lesen teksi juga sokongan dari wakil-wakil rakyat diketepikan yang dapat bukan orang-orang yang betul-betul berhak, ini satu perkara lagi yang tidak patut sangat Kementerian ini menjalankan peranannya.

Saya hendak bercakap Kementerian Penerangan dan Penyiaran. Saya sanjung tinggi dan mengucapkan tahniah terutama kepada Timbalan Menteri yang berkenaan di hadapan saya ini bahawa latihan sembahyang yang betul-betul telah mula ditayangkan pada malam Jumaat yang lalu. Rakyat di kampung dan di bandar rasa gembira kerana membantu anak-anak mereka dalam hal latihan sembahyang yang standard. Tuan Yang di-Pertua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dia baru ajar sujud.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Saya menyokong penuh di atas Belanjawan, 1977 yang diisytiharkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan.

5.58 ptg.

Tuan Buja bin Gumbilai (Tuaran): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong kepada ucapan Belanjawan, 1977 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 29hb Oktober, 1976 yang lalu. Boleh dikatakan kesemua Ahli dalam membahaskan Belanjawan bukan sahaja menyokong tetapi memberi pujian dan terima kasih kepada Menteri Kewangan dan Kerajaan Pusat. Saya percaya seluruh rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah di mana semua golongan pekerja adalah gembira sedikit apabila mendengar dan mengetahui Belanjawan, 1977 yang mana tidak akan membeban berat sangat kepada sesiapa pun.

Negara kita telah berlalu di bawah Rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan telah dapat melaksanakan berbagai-bagai pembangunan untuk kepentingan rakyat di luar-luar bandar dan di bandar-bandar. Akan tetapi walaupun begitu masih banyak lagi rancangan dan projek-projek yang mustahak dilancarkan untuk kepentingan rakyat dan negara kita. Dalam hal melaksanakan semua rancangan dan projek-projek di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, saya rasa persefahaman dan kerjasama di antara semua peringkat Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri-negeri yang bertanggungjawab bagi melaksananya mestilah dengan kerjasama. Jika tidak dengan kerjasama di antara satu peringkat saya takut matlamat yang dicita-citakan oleh pihak Kerajaan akan sukar mendapat kejayaan dengan sebenar-benarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah adalah sebuah negeri di dalam Malaysia yang telah bersama-sama berlalu dalam Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua, akan tetapi Sabah masih ketinggalan banyak dalam kemajuan dan pembangunan, terutama sekali di luar-luar bandar, kerana kita ketahui bahawa hingga sekarang pun rakyat di kampung, di daerah-daerah masih banyak meminta didirikan sekolah-sekolah rendah Kerajaan, pusat-pusat klinik luar bandar, jalanraya-jalanraya bagi menghubungkan satu daerah ke satu daerah dan hospital-hospital daerah. Oleh yang demikian, saya minta supaya Kerajaan Pusat memberi peruntukan yang cukup bagi kemajuan pembangunan negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, daerah Tuaran iaitu kawasan pilihanraya saya yang mempunyai penduduk tidak kurang daripada 50,000 orang. Penduduk-penduduk kampung yang masuk kawasan daerah Tuaran apabila hendak turun ke pekan mereka terpaksa mengambil masa dua ataupun tiga hari berjalan kaki kerana belum ada jalanraya yang dibina masuk ke kampung tersebut. Oleh yang demikian, saya minta supaya diadakan sebuah hospital dan ditempatkan doktor di daerah Tuaran bagi menyenangkan penduduk-penduduk di daerah tersebut. Pada masa ini penduduk di daerah tersebut sekiranya ada pesakit-pesakit yang teruk mesti dihantarkan terus ke Hospital Kota Kinabalu, akan tetapi bila sampai di sana kadang-kadang mereka diberi sahaja ubat dan disuruh balik ke kampung sendiri oleh sebab tempat itu penuh sesak dengan pesakit-pesakit.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Kerajaan Pusat berkenaan dengan bangunan-bangunan yang dibiayai oleh Kerajaan Pusat dan peruntukan yang diberi daripada Kerajaan Pusat supaya peruntukan yang ditentukan kepada satu-satu projek dapat dilaksanakan dengan tidak diperlambat-lambatkan kerana itu adalah untuk kebaikan rakyat jelata.

Pada tahun 1975 di daerah Tuaran iaitu kawasan pilihanraya saya ada tiga buah pusat klinik luar bandar telah ditenderkan, kalau tidak silap saya iaitu pada bulan April, 1975, telah diputuskan tender siapa yang diterima dan pemborong-pemborong telah bersedia untuk mendirikan klinik tersebut. Akan tetapi, pegawai berkenaan telah menyatakan supaya mereka menunggu dahulu, jadi pemborong itu terpaksa menunggu sehingga habis tahun 1975 klinik itu pun tidak dibina dan pemborong itu datang lagi kepada pegawai yang berkenaan untuk bertanya, tetapi pegawai yang berkenaan mengatakan bahawa wang itu tiada lagi, sudah ditarik. Sekiranya wang peruntukan klinik tersebut telah ditarik bilakah akan diadakan peruntukan bagi pembinaannya? Sehingga sekarang pun tidak dibina. Kejadian yang begitu sangat-sangat mendukacitakan kepada penduduk-penduduk bumiputra tempatan. Saya harap dalam hal ini dapat dibuat dengan segera dan perkara yang begitu jangan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara berkenaan dengan bangunan-bangunan yang dibiayai oleh Kerajaan Pusat yang didirikan di daerah-daerah ataupun pekan-pekan yang terpencil sedikit seperti Balai Polis, pusat-pusat klinik luar-luar bandar dan lain-lain lagi bangunan yang dibiayai oleh Kerajaan Pusat. Apabila ada kerosakan seperti dinding, tangga dan perkakas-perkakas dapur selalu terbiar sahaja dan kadang-kadang tidak dapat digunakan kerana tiada peruntukan untuk memperbaikinya. Jadi, perkara yang begitu adalah menandatangani kesulitan kepada pengguna-pengguna terutama sekali apabila terjadi pertukaran di antara satu pegawai dengan pegawai yang lain, orang tidak mahu menggunakan bangunan yang terdapat banyak kerosakan. Oleh itu, saya harap kepada pihak yang berkenaan supaya sentiasa menyediakan peruntukan untuk memperbaiki kerosakan-kerosakan yang dibiayai oleh Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya ingin menyentuh di sini iaitu berkenaan dengan kenaikan road tax kereta-kereta dan motosikal. Saya menyokong atas pendapat Ahli Yang Berhormat dari Silam yang mana pada masa ini diminta supaya ditangguhkan dahulu perlaksanaan kenaikan road tax di Sabah kerana negeri Sabah belum mempunyai jalanraya yang cukup baik. Kalau dipandang pada masa sekarang sungguhpun mempunyai jalanraya yang jauhnya lima batu dari pekan, tetapi jalanraya-jalanraya belum lagi sampai ke taraf jalanraya yang baik, lebih-lebih lagi di luar-luar bandar.

Sekianlah sahaja dan sekali lagi saya menyokong Belanjawan 1977.

6.09 ptg.

Tuan Lee Boon Peng (Mantin): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong ucapan Belanjawan 1977 dan juga Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyentuh satu dua perkara dalam Belanjawan tersebut saya ingin merujuk kepada kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau minggu yang lepas bahawa akibat yang timbul daripada pengakuan dibuat oleh Samad Ismail bahawa segolongan

pemimpin dalam Parti memerintah telah dipengaruhi oleh beliau adalah sangat dikesalkan kerana ia cuba mengujudkan kekeliruan dan kebimbangan. Suasana ini mungkin akan menjadi seperti semangat "McCarthyism", yang mana membalut Amerika beberapa tahun yang lalu dan kita ketahui kesan dari sejarah diterbit oleh "McCarthyism". Dalam hubungan ini, kami berharap bahawa satu siasatan yang sedang diambil oleh Kerajaan akan disiapkan secepat yang mungkin supaya perkara itu akan dapat dijelaskan. Perkara ini sangat cemas kerana di antara kami dalam M.C.A., tahanan Encik Tan Ken Sin adalah satu "terkejut" yang langsung kepada kami kerana sepanjang masa ini beliau telah menunjukkan bahawa beliau taat-setia sama-sama kepada partinya dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kami mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas belanjawan dan tindakan cukai, kerana ia bertujuan untuk mendorong perkembangan ekonomi, terutamanya perluasan industrial dan potongan cukai pendapatan akan menolong golongan yang berpendapatan rendah. Kami juga menyokong atas seruan dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk pengurusan kewangan yang cekap dan disiplin, terutamanya dalam swasta. Pemeliharaan patut diambil apabila perbelanjaan umum yang terlibat, terutama dalam panggilan tawaran untuk projek Kerajaan. Kami juga mengemukakan pengecualian cukai atas yang bersara, maka ini akan meringankan para penyara yang miskin, tetapi Kerajaan patutlah juga mencari apa carapun untuk membantu orang yang bersara itu; terutama polis dan tentera yang bersara, yang sudah bersara beberapa tahun yang lalu atas scale gaji yang separuh kurang dari scale gaji sekarang yang beruntung dari Lapuran Harun dan Suffian, dan ia akan mendapat keuntungan dari pindaan Lapuran Ibrahim Ali bila ia dilaksanakan. Peluang patut diberi untuk mengkaji semula atas pencen itu supaya menyesuaikan rezki yang meningkat pada hari ini.

Saya merujuk kepada kenyataan yang diucap oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa "Jumlah wang yang cukup akan diberi kepada semua agensi-agensi Kerajaan untuk membolehkan projek-projek pembasmian kemiskinan dilaksanakan dengan segera." Saya percaya bahawa Kerajaan

akan memandang berat atas masalah perumahan di sekitar bandar, terutama masalah yang bersamaan dalam kelambatan untuk meluluskan pembahagian kecil tanah, kelambatan oleh Jabatan Ukuran mengenai pengukuran pelan bagi hak-milik perumahan dan kelambatan untuk mengeluarkan hak-milik sementara kerana kelambatan itu bermakna ketidak-cekapan dan melahirkan rasuah dan ia bermakna kelambatan nilai harga ke atas para pembeli rumah.

Berhubung dengan projek perumahan yang berharga murah, di bandar Seremban, lebih daripada 7,000 pemohon dalam senarai tunggu untuk 100 unit rumah berharga murah yang akan dibina oleh Kerajaan, dan sekiranya Kerajaan mengambil masa satu atau dua tahun untuk menyiapkan setengah projek perumahan, kami ingin mengetahui bagaimanakah Kerajaan akan memenuhi matlamat yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Ia masih kekurangan perumahan yang hebat tiap-tiap tahun, kecuali jumlah rumah yang dibina itu boleh mencukupi pertambahan penduduk dan perluasan industri. Ialah kerana kekurangan rumah berharga murah menyebabkan kewujudan masalah setinggan dalam Negara hari ini, dan saya mencadangkan Kerajaan menubuhkan Agensi atau Jabatan untuk membuat siasatan dan mengumpulkan statistik atas bilangan setinggan dan dicadangkan cara untuk mengatasi masalah dan dengan ini swasta juga memainkan peranan yang penting. Oleh hal ini, kami harapkan bahawa Jawatankuasa Khas Pelaburan di peringkat tinggi yang di ketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan segera mengkaji dan menyemak dasar-dasar dan peraturan-peraturan yang membimbangkan pelabur-pelabur dari dalam dan luar negeri.

Akhirnya, saya hendak merujuk kepada cadangan cukai jalan atas motosikal. Sebagaimana semua maklum, sekarang motosikal sudah menggantikan basikal sebagai hanya pengangkutan untuk golongan yang miskin, dengan perkataan "kemiskinan", saya bermaksud ialah bagi golongan penoreh getah, kerani yang berpendapatan rendah, petani, penjaja, pembantu kedai dan lain yang tak mampu memperolehi motokar. Yang Berhormat Menteri Kewangan pernah mengatakan bahawa strategi belanjawan bertujuan untuk mengekalkan kestabilan harga dan perubahan cukai untuk tahun 1977 ada-

lah dirangka untuk mengurangkan belanja hidup terutamanya bagi mereka yang berpendapatan rendah. Kadar cadangan cukai jalan atas motosikal terutamanya bagi motosikal yang kurang dari 250 c.c. akan memikul golongan yang berpendapatan rendah, kerana hanya mereka yang memiliki motosikal itu, bukan untuk kenikmatan atau keriaan, tetapi untuk pergi bekerja, terutama petani-petani dan penoreh getah-penoreh getah. Adakah kami pernah memperlihatkan rakyat yang sedemikian menggunakan motosikal itu dengan kuasa atau c.c. yang tinggi.

Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan menarik-balik kenaikan cukai jalan atas motosikal yang kurang dari 250 c.c. dan saya percaya pertambahan kewangan bagi \$2 juta dijangka kadar yang dicadangkan tidak akan mempengaruhi banyak sangat, oleh kerana eksport dan impot dijangka akan berkembang pada kadar 17% dan 21% dan akan menghasilkan pertambahan dalam kutipan duti-duti berkenaan.

6.18 ptg.

Puan Chow Poh Keng (Selayang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberikan sokongan saya kepada Belanjawan 1977 yang paling menyeluruh dan berpatutan sekali.

Di sini inginlah saya memberikan tahniah kepada Menteri Kewangan terhadap rancangan Belanjawannya bagi tahun 1977 yang akan datang menolong golongan rakyat berpendapatan rendah di dalam negara ini. Saya yakin, Menteri Kewangan kita tentu sedar bahawa bantuan-bantuan ini tidak akan sampai kepada kebanyakan 50% rumahtangga yang miskin di dalam Malaysia.

Rumahtangga yang berada dalam kemiskinan di Malaysia, adalah terdiri 65% rumahtangga orang-orang Melayu, 28% rumahtangga orang-orang China, 39% rumahtangga orang-orang India dan 45% rumahtangga yang lain-lain, yang mana pendapatannya di bawah garis kemiskinan. Mereka ini memerlukan wang yang banyak untuk menampung keperluan-keperluan makanan, pakaian, perumahan, barang-barang kegunaan, perkhidmatan pengangkutan, dan sebagainya, supaya mereka dapat hidup dalam keadaan yang sempurna.

Menteri kewangan telah memandang keadaan ekonomi Malaysia sebagai satu problem keseluruhan negara dan telah menjalankan tugas yang cemerlang, menganggarkan pengeluaran kasar negara akan meningkat sebanyak 9% dalam tahun 1977. Pelaburan persendirian di dalam Malaysia akan meningkat hingga 10% dan pelaburan-pelaburan awam meningkat sebanyak 11%.

Tuan Yang di-Pertua, keluarga di dalam sesebuah rumahtangga adalah merupakan unit asas bagi masyarakat kita di Malaysia.

Saya merasakan bahawa Belanjawan yang cukup menarik itu adalah untuk kebaikan seluruh negara, tetapi tidak akan memberikan pendapatan yang lebih kepada keluarga-keluarga miskin di kawasan-kawasan luar bandar dan kampung-kampung baru di dalam Malaysia. Saya berkata demikian, kerana 60% dari modal yang menggerakkan pengeluaran negara di dalam negeri kita adalah Kepunyaan orang luar. Bila pengeluaran kasar negara meningkat sebanyak 9%, kebanyakan kekayaan yang baru diperolehi itu akan berada di dalam tangan mereka yang memiliki modal itu. Bagaimanakah wang ini akan sampai ke dalam saku keluarga-keluarga miskin, yang terdiri hampir dari setengah bahagian 12 juta penduduk-penduduk dalam Malaysia.

Kerajaan kita belum lagi bertindak bagi melaksanakan gaji minima secara hitung panjang seorang pekerja dan keluarganya dapat mengatasi garisan kemiskinan. Kita tidak ada mempunyai kemudahan-kemudahan pengangguran dan kebajikan untuk menampung keadaan keluarga yang telah terputus pendapatannya, disebabkan perkara-perkara yang di luar dugaan orang yang mencari nafkah di dalam keluarga itu.

Menteri Kewangan kita mendesak orang ramai supaya menyelamatkan lebih banyak wang ke arah peluang-peluang yang lebih baik dan kehidupan keluarga yang lebih sempurna, seterusnya memberikan pelaburan modal yang lebih banyak untuk negara kita. Jumlah keluarga yang terhindar itu, yang saya sebutkan ini, tidak dapat langsung membuat sebarang simpanan.

Kita perlu menggerakkan kekayaan yang baru ini untuk keluarga-keluarga miskin, atau biarkan mereka menggerakkan kekayaan itu untuk mereka sendiri. Oleh itu Kerajaan hendaklah memberi keluarga-keluarga miskin

dengan tanah, berikan mereka modal untuk memajukan tanah mereka, berikan mereka air untuk tujuan sistem taliair, berikan mereka baja dan "know-how" yang saintifik, supaya mereka dapat memperbaiki pengeluaran pertanian mereka. Mereka memerlukan perkhidmatan pasaran supaya mereka dapat menjual hasil tanaman mereka tanpa dieksploitasi oleh orang-orang tengah.

Tuan Yang di-Pertua, sejak 15 tahun yang lepas, banyak rayuan-rayuan yang telah dibuat untuk mendapatkan lebih banyak tanah bagi keluarga-keluarga yang tinggal di dalam Kampung-kampung Baru di seluruh Malaysia. Ini adalah diakui oleh setiap individu bahawa keluarga-keluarga yang terhindar di dalam kampung-kampung baru memerlukan lebih banyak tanah untuk kemajuan sosial dan ekonomi mereka dan membuatkan mereka merasa yang diri mereka kepunyaan negeri ini. Mereka memerlukan tanah untuk menempatkan keluarga mereka yang telah berlipat-ganda bilangannya sejak 20 tahun yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang berjumlah satu juta ini yang kini berada di dalam kampung-kampung baru adalah terdiri dari mereka yang rajin. Mereka akan menjadikan negara kita kaya dan mencukupi. Mereka akan menolong mengurangkan harga-harga barang makanan. Mereka juga akan menolong mengurangkan perbelanjaan hidup yang meningkat tinggi dari sehari ke sehari.

Saya merayu kepada Menteri Kewangan dan setiap Kerajaan Negeri di dalam Malaysia supaya dapat mempercepatkan pembangunan negara kita dengan cara pemberian tanah yang lebih banyak ke arah memperluaskan usaha bercucuk-tanam dan memperluaskan kegunaannya oleh orang-orang kita yang tinggal di dalam kampung-kampung baru.

Perumahan, terutama sekali rumah-rumah yang baik, adalah bahan asas bagi masyarakat kita yang bertamadun. Rumah-rumah yang baik yang didirikan di dalam kawasan-kawasan yang dirancang secara saintifik, akan dapat memperbaiki keadaan kesihatan, kebajikan dan keharmonian hidup orang-orang kita.

Sekim-sekim tanah Kerajaan kita telah memberikan keutamaan kepada rancangan perumahan yang baik di dalam kawasan-kawasan baru yang teratur. Walau bagaimanapun, kita mempunyai terlampau sedikit perancangan rumah-rumah yang baik yang diberikan kepada kampung-kampung baru di dalam Malaysia. Mengujudkan house owning democracy adalah satu bahan asas dalam perjuangan kita untuk mengatasi problem-problem politik dan keselamatan di dalam Malaysia.

Pemilikan tanah anda dan pemilikan rumah yang baik dengan segala kemudahan

moden akan memberikan pengertian mereka kepunyaan negara, dan memberikan pengertian ke arah tujuan-tujuan hidup kita.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak sambung ucapan esok?

Puan Chow Poh Kheng: Boleh.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sambung esok. Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang, hari Selasa, 9hb November, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.